



SELANGOR

www.selangorku.com

MediaSelangorku

MediaSelangor

tv.selangorku.com

#SmartSelangor

PERCUMA 17 - 24 Jun 2016, 12 - 19 Ramadan 1437H

Tol naik lagi?



2

6,078 asnaf terima RM3.03 juta



4

tourism SELANGOR

Sasar 7.2 juta pelancong

7

Maqasid Syariah asas pentadbiran negeri



14&15



RM520 JUTA TINGKAT PEMBANGUNAN ISLAM

PERUNTUKAN
MENINGKAT
11%

BERITA PENUH MUKA 3

PAKEJ KORPORAT UNTUK KAKITANGAN AWAM KERAJAAN SELANGOR 10 DEWASA PERCUMA 1

SELAMAT BERBUKA PUASA | 2016

D'Kayangan GRILL & BARBEQUE STEAMBOAT

No.1 Malaysia

BUFFET RAMADHAN STIMBOAT SAMBIL

Panggang Arang "Gema Ramadhan"

012 - 297 1091
017 - 507 6274
03 - 5523 4979

HIDANGAN ISTIMEWA

AYAM KAMPUNG BEREMPAH, GULAI KAWAH, PATIN TEMPOYAK, SUP TULANG, NASI BERIYANI GAM

DI SRI ACAPPELLA SERVIS APARTMENT SEKSYEN 13, SHAH ALAM BERHAMPIRAN GIANT & STADIUM

RM 49.90

6 JUN - 5 JULY

*Kanak-kanak 4 - 11 tahun RM 24.00
3 tahun ke bawah PERCUMA
5.00 SEHINGGA 1.00

JOM NIKMATI
KAMBING PANGGANG
SETIAP HARI!!!

Hidangan SYOK!!!
Sangat & Berbaloi-baloi...



Pilihan Jalan Jalan Cari makan 2012/2015

Nizam Head Chef
Pemenang Pingat Gangsa
Culinaire Malaysia 1999 & 2007

#dkayangansteamboat

steamboat bbq buffet dkayangan



Steamboat BBQ Buffet D'Kayangan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan perlu mempertimbangkan kadar kenaikan tol bagi lapan syarikat konsesi yang dijangka bakal berlaku untuk memastikan pengguna tidak terbeban.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata dalam keadaan ekonomi ketika ini, tidak wajar jika syarikat konsesi menaikkan kadar tol pada kadar tinggi.

"Perjanjian lapan konsesi ini sudah disepakati dan akan berlaku kenaikan tol. Jika tidak, kerajaan perlu membayar pampasan agak tinggi sedangkan ekonomi ketika ini tidak stabil, malah banyak projek pembangunan tertangguh.

"Walaupun kerajaan tidak mahu dibebankan dengan nilai pampasan berkenaan, mereka seharusnya memastikan kenaikan itu nanti tidak membebankan pengguna," katanya kepada SelangorKini.

Yusof turut memberi contoh Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

Elak beban pengguna

FOMCA minta pertimbang keputusan naik tol

yang mempunyai banyak rangkaian menyebabkan berlakunya kenaikan drastik kepada pengguna.

"Lebuhraya adalah keperluan kepada pengguna lebih-lebih lagi penduduk di Lembah Klang. Jika perkara ini tidak ditangani, sudah tentu akan memberi kesan ekonomi drastik kepada pengguna dan harga barang turut meningkat," katanya.

Pada masa sama, Yusof menyarankan syarikat konsesi memperluaskan pembayaran tol elektronik dan memberikan rebat lebih kepada pengguna.

"Syarikat konsesi juga perlu memberikan rebat lebih lagi kepada pengguna lebuhraya setiap hari untuk membantu mengurangkan beban mereka," katanya.

Akhbar The Sun sebelum ini melaporkan kerajaan bakal membuat keputusan menaikkan kadar tol bagi lapan lagi syarikat konsesi.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata jika ingin mengekalkan kadar tol sama pada harga kini, kerajaan perlu membayar pampasan kepada pihak konsesi dalam jumlah besar dan membebaskan kerajaan dalam hutang jangka masa panjang.

Antara syarikat konsesi yang dibenarkan untuk menaikkan kadar tol adalah Lebuhraya PLUS, Lebuhraya Hubungan Kedua (Linkedua), Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH) dan Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB).

Tahun lalu, 18 lebuhraya di seluruh Malaysia terlibat dengan kenaikan tol termasuklah AKLEH, Besraya,

Lebuhraya adalah keperluan kepada pengguna lebih-lebih lagi penduduk di Lembah Klang. Jika perkara ini tidak ditangani, sudah tentu akan memberi kesan ekonomi drastik kepada pengguna dan harga barang turut meningkat

MOHD YUSOF
Timbalan Presiden
Gabungan Persatuan
Pengguna Malaysia
(FOMCA)

DUKE, Grand Saga, Lebuhraya Guthrie, Kajang SILK, Karak, LATAR, LEKAS, LKSA, MEX, NPE, terowong SMART, Lebuhraya Senai-Desaru, SKVE, Lingkaran Luar Butterworth (BORR), Sprint dan LDP.

Rundingan naik tol masih berjalan

KUALA LUMPUR - Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) memaklumkan belum ada sebarang keputusan muktamad dibuat setakat ini berkenaan laporan akhbar dengan "Kadar Tol Naik Di 8 Lebuhraya Tidak Lama Lagi".

Naib Yang Dipertua PSKLM, Sazally Saidi, berkata rundingan membabitkan perkara berkenaan masih berjalan sehingga kini.

"Berdasarkan Perjanjian Konsesi memang terdapat beberapa lebuhraya yang layak mendapat kenaikan tol pada tahun ini," katanya dalam kenyataan media pada 14 Jun lalu.

Walaupun bagaimanapun, katanya rundingan antara syarikat konsesi dan pihak Kerajaan masih lagi berlangsung.



Selangor agresif tangani kesan 'Brexit'

SHAH ALAM - Misi memburu pelaburan antarabangsa semakin rancak dilakukan bagi menangani kesan luar biasa 'Brexit' yang dijangka bakal mempengaruhi ekonomi serantau.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS, Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata Kerajaan Negeri agresif melaksanakan promosi ke bandar utama dunia sebagai salah satu langkah menangani kesan

itu.

Katanya, secara keseluruhan Selangor berhati-hati dalam menetapkan sasaran pada 2016 kerana melihat iklim kelembapan ekonomi ketika ini.

"Jika dibandingkan dengan negeri lain mahupun Kerajaan Persekutuan, Selangor lebih agresif.

"Kita memandangkan ke depan, inilah masa pelabur perlu mendengar dan bersedia mencari peluang baru melabur di negeri



ini atau meneruskan pelaburan sedia ada," katanya kepada SelangorKini.

Chang Khim berkata, mengikut statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) 2015, Selangor berjaya menarik pelaburan RM7.96 bilion dengan nilai Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak RM3.78 bilion.

"Tahun ini kita menurunkan sasaran kepada RM6 bilion. Jika

melihat pelaburan masuk ketika ini, ia masih menggalakkan tetapi kita belum menerima perangkaan MIDA," katanya.

Beliau berkata pengumuman pelaburan dari UMW Toyota sebanyak RM2 bilion baru-baru ini bakal menjadikan 30 peratus sasaran Kerajaan Negeri berjaya dicapai jika ia mendapat kelulusan MIDA.

"Buat masa ini, kemasukan pelaburan asing masih meng-

galakkan dan Selangor terus menggiatkan misi menarik pelaburan antarabangsa," katanya.

Pelbagai pihak antarabangsa bimbang kemungkinan 'Brexit' ketika pengundi Britain bersiap sedia bagi referendum 23 Jun untuk menentukan sama ada meninggalkan atau kekal dalam gabungan 28 negara Kesatuan Eropah.

Ia dijangka bakal memberi kesan kepada ekonomi serantau.





MB iringi Sultan Sharafuddin santuni rakyat

SHAH ALAM - Walaupun sibuk dengan tugas harian sebagai Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali tetap komited meneruskan tradisi menyantuni rakyat Selangor.

Tradisi itu dilakukan setiap tahun dengan mengiringi DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya.

Beliau bersama Baginda Sultan akan menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah bersama masyarakat setempat disusuli solat sunat tarawih.

Pada tahun ini, Mohamed Azmin akan mengunjungi kira-kira 16 masjid di seluruh negeri untuk majlis berbuka puasa, tiga masjid bagi menunaikan solat Jumaat dan satu untuk bacaan Yassin.

Bermula di Masjid Sultan Salahuiddin Abdul Aziz Shah pada 8

Jun lalu, majlis dimulakan dengan Sultan Sharafuddin menerima zakat perniagaan daripada empat syarikat bernilai RM12.5 juta selain menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 409 asnaf fakir miskin serta mualaf.

Beliau kemudiannya mengiringi Baginda Sultan ke Masjid Kampung Harmoni, Bestari Jaya, Kuala Selangor pada 9 Jun lalu untuk merasmikan Masjid Darul Ibadah bernilai RM5.39 juta.

Pada 10 Jun lalu, Mohamed Azmin mengiringi Sultan Sharafuddin menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Jalan Templer, Petaling Jaya.

Usai menunaikan solat, beliau bersama Tuanku Sultan mengambil kesempatan bersalam dan beramah mesra dengan jemaah masjid serta rakyat.

Majlis kemudiannya diteruskan ke Masjid Kampung Seri Cheeding, Kuala Langat pada 11 Jun lalu dengan Sultan Sharafuddin berkenan merasmikan

Pada tahun ini, Mohamed Azmin akan mengunjungi kira-kira 16 masjid di seluruh negeri untuk majlis berbuka puasa, tiga masjid bagi menunaikan solat Jumaat dan satu untuk bacaan Yassin

Masjid Nurul Hidayah.

Baginda turut berkenaan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 281 fakir dan miskin serta 146 saudara baru di daerah itu.

Terbaru, pada 13 Jun lalu, Mohamed Azmin mengiringi Sultan Sharafuddin merasmikan Masjid Selayang Baru, Gombak serta menyampaikan sumbangan Hari Raya berjumlah RM232,500 kepada 315 asnaf fakir dan miskin dan 150 asnaf mualaf.

Pembangunan Islam terus diperkasa

SHAH ALAM - Pembangunan Islam terus diberi perhatian khusus Kerajaan Selangor dengan memberi tumpuan kecekapan pentadbiran hal ehwal Islam dan prasarana ibadah serta pendidikan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Ahmad Yunus Hairi, berkata penambahan peruntukan sebanyak 11 peratus untuk JAIS dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) merangkumi pelbagai aspek.

"Seperti pembangunan untuk sekolah maahad integrasi tahfiz swasta termasuk untuk guru KAFA dan pengetua kerana peranan

mereka besar dalam pembangunan Islam.

"Selain pendidikan, kita juga memberi tumpuan kepada kerja pembangunan dan naik taraf surau serta masjid sebagai tempat umat Islam beribadah," katanya ketika dihubungi SelangorKini pada 14 Jun lalu.

Yunus berkata, dengan kenaikan peruntukan itu Kerajaan Negeri berharap umat Islam di Selangor dapat memanfaatkannya serta terlibat lebih aktif dalam pendidikan berteraskan Islam.

"Secara tidak langsung kita mahu masyarakat Islam itu sendiri terlibat sama membangunkan Islam bukan sahaja dalam bentuk



Ahmad Yunus Hairi

fizikal.

"Tetapi juga dalam pembangunan sosial dan akidah dari sudut kefahaman Islam," katanya.

Rancangan Malaysia ke-11

Pembangunan Islam naik 11%

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali komited memperkasakan pembangunan Islam merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial dan pendidikan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata kesungguhan itu dapat dilihat apabila Kerajaan Negeri meningkatkan perbelanjaan 11 peratus kepada RM520 juta untuk JAIS dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) berbanding RM468 juta pada RMK-10.

"JAIS ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin dan komited memperkasakan pembangunan Islam di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sembah ucapannya pada Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Masjid Darul Ibadah, Bestari Jaya pada 9 Jun lalu.

Haris berkata peruntukan RMK-11 membabitkan pembinaan masjid, sekolah, projek menaik taraf masjid dan baik pulih bangunan di bawah seliaan JAIS bagi tempoh lima tahun.

Katanya, peruntukan itu membabitkan RM261.5 juta untuk kerja pembinaan, menaik taraf dan membaik pulih masjid, RM179.2 juta bagi Sekolah Ren-



JAIS ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin dan komited memperkasakan pembangunan Islam di negeri ini

HARIS KASIM
Pengarah JAIS

dah Agama (SRA) dan RM15.6 juta untuk Maahad Tahfiz swasta.

"RM50.5 juta lagi akan dibelanjakan untuk pembinaan dan baik pulih Kompleks Islam, RM11 juta bagi surau dan RM10 juta untuk projek baik pulih lain.

"Pada 2016, lima masjid, empat SRA dan satu Maahad Tahfiz swasta dirancang bagi pembinaan baru dan baik pulih," katanya.

Jumaat ketiga hari Smart Selangor Food Stamp di 56 DUN

SHAH ALAM - Jumaat minggu ketiga setiap bulan dipilih sebagai Hari 'Smart Selangor Food Stamp' bermula 17 Jun ini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata Kerajaan Negeri menetapkan bantuan makanan asas diserahkan di kesemua 56 DUN pada hari berkenaan.

Katanya, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) setiap DUN bertanggungjawab mengenal pasti dan mendapatkan senarai nama mereka layak selain menetapkan lokasi agihan bantuan.

"Program ini bertujuan membantu meringankan kos sara hidup rakyat berpendapatan rendah dan miskin yang mempunyai anak dan tanggungan ramai supaya mereka berkecu-

kupan dan tidak kelaparan.

"Golongan ini semakin terhimpit dengan kegawatan ekonomi hasil implementasi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan.

Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2016, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan sejumlah RM3 juta bagi menjayakan 'Smart Selangor Food Stamp'.

Seramai 5,600 keluarga termiskin di Selangor dijangka menerima manfaat program ini, bersamaan 100 orang bagi setiap DUN di Selangor.

Antara kriteria kelayakan adalah pemohon mestilah lahir atau bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun.

Laksana kewajipan

Empat syarikat tunai zakat perniagaan RM12.5 juta

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan daripada empat syarikat bernilai RM12.5 juta dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS), 8 Jun lalu.

Empat syarikat itu menunaikan pembayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2015.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mendahului senarai pembayar zakat berjumlah RM5.48 juta diwakili Pengurus Besarinya, Azlan Md Alifiah bagi perbadanan itu dan anak syarikatnya.

UMW Holdings Berhad diwakili Pengerusinya, Tan Sri Asmat Kamaludin pula menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM4.28 juta.

PLUS Malaysia Berhad diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Noorizah Abdul Hamid dengan nilai zakat RM2.01 juta, sementara Datuk Ahmad Omar selaku Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor (PNSB) membayar RM702,145.

Baginda diiringi Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah; Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad



Ahya; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa dan Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyas Abdul Wahid.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim; Exco

Kerajaan Selangor dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Husin Mohd Ali.

Pada masa sama, Sultan Selangor turut menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 265 asnaf fakir dan miskin

serta 144 asnaf mualaf.

Kesemua mereka menerima sumbangan RM500 setiap seorang.

Sultan Sharafuddin kemudiannya menunaikan solat Maghrib dan Isyak disusuli solat sunat tarawih sebelum berangkat pulang.



LZS agih RM3.03 juta untuk 6,078 asnaf

SHAH ALAM - RM3.03 juta diperuntukkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk diagihkan kepada 6,078 asnaf fakir, miskin dan mualaf sebagai persediaan Aidilfitri kali ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata pemberian itu membabitkan peruntukan RM1.98 juta untuk diagihkan kepada 3,978 asnaf fakir dan miskin manakala RM1.05 juta lagi untuk 2,100 mualaf.

"Selain majlis perasmian masjid dan berbuka puasa bersama rakyat, DYMM Tuanku turut berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada fakir, miskin dan saudara baru.

"Diharapkan sumbangan ini dapat meringankan beban mereka yang memerlukan dan menggembirakan hati penerima bantuan dalam

membuat persediaan menyambut Syawal," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sembah ucapannya pada Majlis Perasmian Masjid, Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Tahun 1437H/2016M di Masjid Darul Ibadah, Kampung Harmoni, Bestari Jaya, pada 9 Jun lalu.

Sebelum itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 319 asnaf fakir dan miskin bagi kawasan Bestari Jaya berjumlah RM159,500.

Selain itu, RM75,000 turut diagihkan kepada 150 mualaf bagi kawasan sama sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan 469 penerima dengan sumbangan RM234,500.

Sultan Selangor rasmi Masjid Darul Ibadah RM5.39 juta

KUALA SELANGOR - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Masjid Darul Ibadah di Kampung Harmoni, Bestari Jaya yang siap sepenuhnya pada 5 Mei 2014, pada 9 Jun lalu.

Baginda semasa merasmikan masjid bernilai RM5.39 juta itu turut berkenan mengekalkan namanya sebagai Masjid Darul Ibadah yang digunakan penduduk di situ sebelum ini.

"Beta turut berkenan mengekalkan nama asal masjid ini sebagai Masjid Darul Ibadah," titah baginda pada Majlis Perasmian Masjid di Kampung Harmoni, Bestari Jaya sempena Majlis Berbuka Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Tahun 1437H/2016M, di sini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, dalam sembah ucapannya berkata masjid terbabit dibina selepas mendapati Masjid Darul Ibadah yang lama tidak lagi mampu menampung penambahan kariah di kawasan itu.

"Ekoran pertumbuhan penduduk pesat dan bagi mengatasi masalah kesesakan jemaah di Masjid Kampung Harmoni, JAIS memi-

lih sebidang tanah seluas 3.5 ekar di Lot 2489, Jalan Makmur sebagai tapak pembinaan masjid baru.

Katanya, masjid itu mampu memuatkan 1,000 jemaah pada satu masa dengan pelbagai kemudahan bagi keselesaan umat Islam beribadah.

Haris berkata, antara kemudahan disediakan adalah ruang solat utama, ruang kuliah muslimat, tempat sembelihan korban, tempat wuduk dan tandas lelaki dan wanita.

"Apa yang diharapkan supaya nazir dan ahli jawatankuasa masjid dapat memainkan peranan lebih proaktif, progresif dan efektif dalam menggerakkan aktiviti mengimarahkan masjid," katanya.

Pada masa sama, Haris berkata 13 masjid kariah, tiga masjid Diraja dan tiga masjid institusi dipilih sebagai lokasi Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat tahun ini dengan anggaran perbelanjaan RM1.06 juta.

"Pemilihan lokasi Majlis Berbuka Puasa atau Ihya Ramadan ini berbeza pada setiap tahun bagi memastikan masjid yang berada di negeri itu diberi peluang sebagai tuan rumah," katanya.

Kehilangan besar negara

Dollah Kok Lanas tokoh wartawan berwibawa - MB



OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Bekas Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press, Allahyarham Tan Sri Abdullah Ahmad yang juga dikenali sebagai Dollah Kok Lanas adalah antara tokoh wartawan yang memainkan peranan besar membantu meletakkan asas demokrasi di negara ini.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyifatkan Allahyarham yang dikenalnya sejak hampir 30 tahun lalu sebagai seorang pejuang yang amat dihormati.

"Sudah tentulah ketokohan beliau sebagai pejuang yang amat dihormati khususnya ketika berkhidmat sebagai setiausaha politik Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ketika itu.

"Apabila beliau ditahan di

bawah Akta ISA dari tahun 1976 hingga 1981, beliau terus berjuang setelah dibebaskan termasuk terlibat secara langsung sebagai wartawan dan tokoh amat dikenali kerana penulisannya yang tajam, memberi makna cukup terkesan kepada masyarakat Malaysia," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian selepas hadir memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham di kediamannya di Taman U-Thant di sini, 12 Jun lalu.

Mohamed Azmin berkata, Allahyarham Abdullah turut menyatakan dokongannya supaya beliau supaya terus tabah ketika berhadapan ujian getir sebelum Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri ketika itu.



Allahyarham Abdullah Ahmad

"Kita merasa sedih atas pemergian Allahyarham. Beliau adalah tokoh negarawan, pejuang yang banyak menyumbangkan khidmat dan bakti kepada negara dan beliau juga beliau banyak memberi nasihat serta berbincang dengan saya," katanya.

Air Selangor amal polisi tiada hadiah

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), mengumumkan 'polisi tiada hadiah' sebagai sebahagian inisiatif integriti korporat syarikat untuk mewujudkan persekitaran kerja beretika.

Ketua Jabatan

Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, berkata polisi berkuatkuasa itu meliputi semua syarikat di bawah Kumpulan Air Selangor.

Katanya, kakitangan serta keluarga dilarang sama sekali untuk memberi atau menerima hadiah tanpa dikira nilai atau sebab.

"Polisi tiada hadiah ini bertujuan mengelakkan situasi yang boleh mempengaruhi per-

timbangan proses keputusan atau meletakkan kakitangan di kedudukan berkonflik atau berobligasi," katanya dalam kenyataan media pada 14 Jun lalu.

Beliau berkata polisi itu juga bertujuan untuk meningkatkan keyakinan orang awam serta pengguna terhadap syarikat dan anak syarikat.

"Teras utama polisi ini adalah menguruskan perniagaan dan memberikan perkhidmatan air profesional berintegriti, telus dan bertanggungjawab.

"Penguatkuasaan polisi ini untuk menghapuskan persepsi percanggahan konflik kepentingan membabitkan pihak berurusan antara kumpulan dan pihak luar," katanya.



Festira'16 kembali dengan lebih 500 gerai

SHAH ALAM - Festival Ramadan Selangor 2016 (Festira'16) diteruskan buat tahun kedua selama 40 hari bermula 27 Mei hingga 5 Julai ini.

Berlangsung serentak di tiga bangunan di bawah PKNS Real Estet Sdn Bhd (PREC) di SACC Mall, Kompleks PKNS Shah Alam dan Kompleks PKNS Bangi, Festira'16 menampilkan lebih 500 gerai jualan dengan lebih 250 daripadanya dalam suasana berhawa dingin.

Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakhru Radzi Ab Ghani, berkata Festira'16 berjaya melebarkan sayap di lima kawasan bukan sahaja di Shah Alam dan Bangi, malah Ampang Jaya dan Sabak Bernam hasil kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan.

"Festira buat pertama kali menampilkan dua ruangan perniagaan terbaru yang dinamakan Jameela Street dan Tempat Orang Lokal (TOL).

"Jameela Street berada di tingkat dua dan tiga hasil penjenamaan semula yang digelar 'Fashion Circle' serta menempatkan 26 lot hab fesyen muslimah.

"TOL pula adalah inisiatif untuk mengumpulkan vendor tempatan terutama bagi menarik golongan muda," katanya di SACC Mall, di sini.

Katanya, pelbagai aktiviti menarik sudah disusun di setiap bangunan bermula 12.00 tengah hari sehingga 7.00 petang dengan barisan artis terkenal seperti Liza Hanim, Raja Farah dan Faiz Dickie selaku duta Festira.

Festira'16 dirasmikan Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari diiringi Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah dan Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakhru Radzi Ab Ghani.

Tradisi edaran bubur lambuk Kampung Baru secara percuma kepada orang awam turut diteruskan setiap Isnin dan Khamis bermula jam 4.00 petang.

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Elak penularan denggi

Peniaga bazar Ramadan disaran jaga kebersihan

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Peniaga Bazar Ramadan diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan di premis perniagaan semasa dan selepas beroperasi bagi mengelakkan penularan denggi.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata kedatangan musim hujan sekarang ini yang kebetulannya pada Ramadan bakal menyebabkan peningkatan kes demam denggi di Selangor.

"Sampah sarap ditinggalkan tidak terurus di premis perniagaan boleh menjadi medium pembiakan Aedes," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, Daroyah juga mengingatkan masyarakat supaya menitikberatkan soal kebersihan serta memakai pakaian berlung panjang apabila mengunjungi bazar.

"Disyorkan untuk mereka menggunakan *insect repellent* kerana nyamuk Aedes aktif pada

waktu petang hingga senja," katanya.

Daroyah berkata, berdasarkan statistik denggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2015 dan 2014, ia mulai meningkat pada minggu ke-18 dan berterusan meningkat selama beberapa minggu berikutnya.

Katanya, data 2016 juga mencatatkan pola sama dengan kes denggi mulai meningkat pada minggu lepas selepas mengalami penurunan beberapa minggu lalu.

"Kes daftar denggi Selangor pada minggu ke-22 yang berakhir 4 Jun lalu mencatatkan 717 kes dengan peningkatan 72 kes berbanding minggu epid sebelumnya iaitu 645 kes, terendah setakat ini untuk 2016.

"Jumlah kumulatif kes denggi terkumpul di Selangor adalah sebanyak 27,166 kes dengan me-rekodkan 43 kematian," katanya.

Terdahulu, minggu epid ke-21 yang berakhir 28 Mei, kes denggi memperlihatkan *trend* penu-



runan dari minggu ke minggu hasil gandingan gerak kerja dilaksanakan semua pihak.

Jumlah terkumpul kes deng-

gi Selangor pada minggu ke-21 adalah sebanyak 26,449 kes berbanding 27,282 kes pada tempoh sama pada 2015 manakala

jumlah kematian pula mencatatkan 42 orang berbanding 71 orang pada 2015 iaitu penurunan sebanyak 40.84 peratus.

Kerajaan Negeri agih 800 bubur lambuk di SUK

SHAH ALAM - Sebanyak 800 bubur lambuk diagihkan kepada kakitangan awam di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempena Ramadan kali ini.

Bubur lambuk yang sinonim dengan bulan Ramadan itu diagihkan Exco Kesihatan, Keba-

jikan, Hal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, pada 9 Jun lalu Daroyah berkata, menjadi tradisi setiap kali Ramadan, bubur lambuk akan diedarkan kepada penjawat awam di bangunan itu.

"Sudah menjadi tradisi setiap kali Ramadan, bubur lambuk

akan diedarkan kepada penjawat awam di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri. Salam Ramadan dan selamat berbuka," katanya di Facebook.

Daroyah berkata bubur lambuk akan diagihkan semula kepada kakitangan awam pada 16 dan 23 Jun depan.

Kempen kurang guna beg plastik diperhebat

PETALING JAYA - Kerajaan Negeri akan melaksanakan penambahan hari dalam Kempen Pengurangan Beg Plastik di seluruh negeri tahun hadapan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata sebagai perintis, kempen terbabit akan mula dilaksanakan di semua premis bangunan Kerajaan Negeri bermula September ini.

"Kita masih memperincikan perkara ini dan Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan kempen ini setiap hari.

"Bagaimanapun, ia masih di peringkat kajian, namun pelaksanaan penambahan hari tanpa beg plastik akan dijalankan pada 2017," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bazar Ramadan Maman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Elizabeth berkata, pelaksanaan itu dijangka mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk.

Katanya, berdasarkan kajian lebih setahun lalu, terdapat permintaan daripada penduduk un-

Bagaimanapun, ia masih di peringkat kajian, namun pelaksanaan penambahan hari tanpa beg plastik akan dijalankan pada 2017

ELIZABETH WONG

Exco Alam Sekitar





Bot berhias 'retro'

'Super Mokh' bawa tuah

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Keunikan reka bentuk bot berhias 'retro' Tourism Selangor membuah hasil apabila diumumkan sebagai Naib Johan Bot Berhias Paling Kreatif pada Festival Magic Of The Night 2015 Putrajaya, 5 Jun lalu.

Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din, berkata kejayaan manis itu didorong usahasama badan pelancongan terbabit dalam menonjolkan tarikan pelancongan negeri.

Beliau berkata antara keunikan reka bentuk bot berhias itu adalah memaparkan lagenda bola sepak negara, Dato' Mokhtar Dahari yang pernah menjadi ikon sukan itu sekitar 70 dan 80-an.

"Selangor kaya dengan pelbagai keunikan sejarah dan budaya

serta lagenda terhasil daripada anak jati negeri ini.

"Maka, kami mengangkat lagenda bola sepak negeri 'Super Mokh' yang cukup terkenal dalam rekaan bot berhias ini," katanya dalam kenyataan.

Mokhtar Dahari sebelum ini pernah bermain untuk pasukan Selangor dari 1972 hingga 1990 selain pernah beraksi untuk pasukan kebangsaan dari 1972 hingga 1985.

Pada masa sama, Noorul Ashikin berkata antara tarikan lain hiasan bot berhias dipamerkan Tourism Selangor adalah penggunaan warna dan reka bentuk cahaya yang melambangkan imej negeri.

Katanya, suku kaum Mah Meri yang terkenal di Pulau Carey turut digunakan sebagai daya penarik kepada kepelbagaian rakyat di

negeri itu.

"Penggunaan Centong Buluh, Tiub Buluh yang dihiaskan bersama melambangkan keunikan suku kaum Mah Meri ketika meraikan pelbagai sambutan dan perayaan mereka.

"Malah, kami juga mengetengahkan penggunaan daun origami dan ukiran kayu sebagai lambang kepada bumi hijau dan kesungguhan kaum itu mengekalkan persekitaran hijau sejak zaman nenek moyang mereka," katanya.

Festival Magic Of The Night 2016 Putrajaya adalah acara tahunan yang memfokuskan usaha untuk mempromosi pelancongan seluruh negara.

Selain Selangor, festival terbabit turut disertai Jabatan Pelancongan dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Giat promosi, sasar 7.2 juta pelancong pada 2016

SHAH ALAM - Tourism Selangor giat mempromosikan pelancongan di negeri itu menerusi pelbagai gerak kerja dan kempen untuk menggalakkan industri terbabit.

Pengurus Besarnya, Noorul Ashikin Mohd Din, berkata antara inisiatif digerakkan pihaknya termasuklah mengangkat tema 'Discover Selangor' dan 'Heart Of Malaysia' bagi tujuan kempen dan promosi.

"Selangor menawarkan pengalaman lengkap dan pengembaraan luar yang cukup istimewa melalui pelbagai aktiviti riadah kepada pelancong dari luar ke Selangor.

"Antara tarikan istimewa yang boleh didapati di Selangor seperti aktiviti pengembaraan, berakit sambil menikmati keindahan alam semula jadi, permandangan air terjun yang menakutkan, keseronokan taman tema

dan aktiviti riadah pantai.

"Selain itu, Selangor juga cukup kaya dengan pelbagai lapisan kaum budaya dan latar belakang serta keunikan makanan hasil daripada pengaruh budaya yang menambahkan lagi keunikan negeri," katanya.

Untuk tahun 2016, Selangor menasaskan kehadiran pelancong seramai 7.2 juta susulan kejayaan mencapai sasaran 7 juta pelancong pada 2015.

Sementara itu, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong optimis Selangor kekal menjadi destinasi pilihan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Kerajaan Negeri fokus terhadap pelancongan tempatan dengan memberikan nilai wang (*value of money*) dalam usaha menggalakan lebih ramai pelancong ke Selangor," katanya.



MBI terima lawatan delegasi bisnis China tinjau peluang

SHAH ALAM - Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menerima kunjungan delegasi seramai 25 ahli perniagaan daripada China, pada 13 Jun lalu.

Rombongan daripada Wilayah Jiangsu itu disambut Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman.

Wakilnya, Chia Saw Kee, berkata delegasi berhasrat meninjau peluang pelaburan dan perniagaan di Selangor.

"Delegasi sememangnya berhasrat meneroka lebih banyak projek di Malaysia.

"Apalagi mereka mempunyai kedudu-

kan kewangan baik dan teknologi yang bagus untuk ditawarkan.

"Jika ada peluang baik di Selangor, delegasi pastinya akan kembali untuk perbincangan lebih serius," katanya kepada SelangorKini.

Saw Kee berkata, delegasi terdiri daripada 25 syarikat pembinaan itu sudah memeterai beberapa projek mega di Kuala Lumpur.

Sejurus selesai, mereka kemudian bergegas ke Kuala Lumpur bagi menemui Datuk Bandar, Datuk Mhd Amin Nordin Abdul Aziz.





Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!

Hanya 2km ke simpang MEX

RUMAH BERKEMBAR



www.sunwayproperty.com/eastwood 019 3811 832 Azril

Sunway Eastwood Sdn Bhd (79327-1)
Lobby Level, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 017-964 0688

Sales Gallery:
Sunway Eastwood Gallery,
Jalan Equine 3, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor.



Sunway Property
You Tube Sunway Property

• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/12-2016/02731(L) • Validity Period: 21/12/2015-20/12/2016 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/12-2016/02731(P) • Validity Period: 21/12/15 to 20/12/16 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Restriction in Interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority, Phase 1C (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MPS/BGN/KWC-058 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: September 2017 • Semi-D (Type E), 8 units. Price: RM2,745,000 (min) - RM3,072,000 (max) • Semi-D (Type F), 17 units. Price: RM2,461,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Bumiputera discount of 7%. • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual build-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

Aliran wang di pasaran berkurangan

GST perlahankan ekonomi negara

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bukan hanya gagal membantu rakyat, malah memperlambatkan pertumbuhan ekonomi negara sejak dilaksanakan pada April 2015.

Mantan Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Rosli Yaakob, berkata GST menghakis kuasa membeli dan menyebabkan pengguna lebih berhati-hati untuk berbelanja sekali gus mengurangkan aliran tunai dalam pasaran.

"Kita lihat kebanyakan masyarakat kurang ghairah berbelanja ekoran GST yang menjadi faktor kenaikan harga barang, malah peniaga juga terkesan akibat perubahan corak pembelian orang ramai.

"Kalau dulu pengguna meningkatkan pembelian secara besar-besaran menjelang perayaan pada Ramadan tetapi kita lihat jualan kini kian terjejas.

"Dalam erti kata lain, GST menyebabkan harga barang naik



dan orang ramai kurang berbelanja sekali gus menjadikan aliran wang dalam pasaran berkurangan hingga membawa kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya kepada SelangorKini.

Terdahulu, sebelum GST dilaksanakan, Putrajaya menyatakan cukai itu mampu meningkatkan pendapatan kerajaan bagi membolehkan peruntukan lebih besar

disalurkan kepada rakyat.

Bagaimanapun, kebanyakan penganalisis ekonomi melihat langkah melaksanakan GST lebih fokus untuk mengurangkan defisit yang semakin melebar.

Malah lebih memburukkan keadaan apabila GST sebenarnya turut menyumbang kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang sedang bergelut memperbaiki prestasinya.

Warta Akta MKN bukti Najib pemimpin diktator

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak digesa tampil memberi penjelasan berkenaan perwartaan Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dilaksanakan tanpa mendapat perkenan Diraja.

Pengarah Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4), Cynthia Gabriel, berkata tindakan itu merpelikatkan pemerintahan ala diktator diamalkan Najib.

"Tindakan drastik Najib menutup ruang kritikan masyarakat sivil untuk terus membiarkan negara ini ditadbir ala diktator dengan menggunakan undang-undang zalim menyembunyikan salah laku dan rasuah.

"Untuk menjaga akauntabiliti dan pentadbiran negara yang baik, C4 menyeru supaya Najib memberi penjelasan terhadap perkara ini kerana jika dibiarkan hanya akan menuju ke arah kediktatoran," katanya dalam kenyataan media, pada 12 Jun lalu.

Sebelum ini, Majlis Raja-Raja meminta Kerajaan memperhalusi perwartaan Rang Undang-Undang MKN yang memberi kuasa kepada MKN membuat pengistiharan darurat.

Namun, Rang Undang-Undang MKN pada 18 Februari lalu diperkenankan secara automa-



Cynthia Gabriel

atik di bawah Perkara 66 (4A) Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-Undang itu sebelum ini diluluskan di Parlimen pada 22 Disember tahun lalu.

Pada masa sama, Cynthia berkata, Perdana Menteri sewajarnya komited memerangi rasuah dalam usaha memperkasakan Pelan Transformasi beliau.

"Jika Najib tidak komited melaksanakan program dicituskan sendiri selain ketidakseriusan memerangi rasuah, lebih baik beliau berundur.

"Pengundurannya tentu dapat membuka jalan pembaharuan demokrasi sebenar di negara ini," katanya.

RUMAH *selangorku*

LAMAN IMPIAN

BANDAR BOTANIC

UNTUK BANTUAN PEMOHONAN KUNJUNGI PEJABAT JUALAN KAMI

Rumah Bandar 3 Tingkat

Pegangan Bebas • 904 k.p.

PELAN LOKASI



LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

Pemohon boleh mendaftar secara 'online' atau muat turun borang permohonan di laman web LPHS - <http://lphs.selangor.gov.my>



Another Prestigious Project By:



GAMUDA LAND (BOTANIC) SDN BHD (491736-H)
Property Gallery: No 1, Jalan Ambang Botanic,
Bandar Botanic, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

untuk maklumat lanjut

03-3323 8322

Pendedahan eksklusif kemajuan ekonomi negeri

SHAH ALAM - Belia Selangor di Sarawak menerima pendedahan eksklusif perkembangan kemajuan Selangor oleh Exco Belia Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari di Hotel Grand Margherita Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

Program itu digerakkan ke seluruh negara dalam memastikan warga belia Selangor di luar negeri diberi pendedahan berkenaan aspek kemajuan Selangor.

"Kerajaan Negeri giat merencanakan pembangunan ekonomi ke arah negeri berkeadilan dan peduli rakyat sejak 2008.

"Ia selaras dengan dasar dan gagasan Kerajaan Negeri iaitu 'Membangun *Smart Selangor* yang Peduli' sebagaimana dibentangkan Menteri Besar, Dato Seri Mohamed Azmin Ali," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan lebih 65 mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang turut dihadiri Pengarah Esekutif MSN, Zubir Idrus dan Timbalan Pengarah MSN, Mohd Najwan Halmi.



Sementara itu, Amirudin dalam ucapannya berkata Kerajaan Negeri juga konsisten merealisasikan lima teras utama strategi Belanjawan 2016 lalu dengan memberi tumpuan terhadap pelaksanaan gagasan *Smart Selangor* ke arah menjana pendapatan strategik.

"Adalah menjadi tanggungjawab Ker-

ajaan Negeri menjaga harta dan hasil mahsul, hifz al-mal serta membangunkannya berpaksikan falsafah keadilan pengagihan seperti dituntut Maqasid Syariah.

"Justeru, saya ingin menegaskan bahawa seluruh dasar Kerajaan Negeri dan Belanjawan 2016 adalah berpaksikan prin-

sip Ekonomi Maqasid," katanya.

Beliau berkata hasil ketelusan prinsip itu juga membuahkan perolehan tinggi kepada rizab negeri untuk 2016.

"Simpanan Kerajaan Negeri melonjak dari RM3.6 bilion kepada RM4.034 bilion, nilai tertinggi dalam sejarah pernah dicapai bagi simpanan rizab negeri," katanya.

Artis intai peluang niaga

Bangi hab baru perniagaan tekstil

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Bangi muncul sebagai lokasi berpotensi besar dimajukan sebagai hab perniagaan tekstil yang mampu berkembang sekali gus menarik minat ahli perniagaan tekstil membuka perniagaan di situ.

Perkembangan positif itu dapat dilihat apabila beberapa artis mula mengintai peluang membuka perniagaan tekstil masing-masing seperti Noorkhiriah, Azza Elite dan Lan Kristal.

"Saya cuba kembangkan perniagaan saya di Bangi. Kita akan masuk ke sana

secara berkumpulan dengan Azza Elite, Lan Kristal dan Karsya Butik," kata pemilik produk busana muslim berjenama Nur By Khiriah itu kepada SelangorKini.

Bangi dilihat berpotensi menjadi hab kedua perniagaan tekstil selepas Shah Alam yang kini diiktiraf sebagai 'World Muslim Fashion City' ekoran kerancangan perniagaan tekstil berkonsepkan fesyen Islam.

"Kami pilih Bangi kerana ia adalah lokasi kedua selepas Shah Alam yang menjadi tumpuan untuk orang ramai membeli belah pelbagai produk tekstil.

"Shah Alam itu dikira macam perintis tetapi di Bangi masih baru hendak berkembang dan ada potensinya. Pada masa ini, kita sedang mencari tempat sesuai di Bangi," katanya.

Noorkhiriah atau nama penuhnya, Noorkhiriah Ahmad Shapie pada masa ini mengusahakan mini butiknya di pasar raya Tesco, Mutiara Damasara, Petaling Jaya dan membuka booth niaga di Bazar Ramadan di Busana Mara Mall, Kuala Lumpur.

Produk keluaran Naelofar Hijab yang diasaskan ahli perniagaan, pelakon dan pengacara terkenal, Noor Neelofa Mohd Noor sebelum ini juga sudah membuka cawangannya di Bandar

Baru Bangi.

Terdahulu, 'World Muslim Fashion City' di Shah Alam menjadi tumpuan orang ramai yang berkunjung ke Shah Alam untuk membeli belah pakaian berkonsepkan fesyen Islam.

Kawasan tumpuan utama 'World Muslim Fashion Show' itu berpusat di Seksyen 7, Shah Alam yang menempatkan gedung perniagaan tekstil terkenal seperti Jakel, Ayana By Yana Samsudin dan banyak lagi.



Kami pilih Bangi kerana Bangi adalah lokasi kedua selepas Shah Alam yang menjadi tumpuan untuk orang ramai membeli belah pelbagai produk tekstil

NOORKHIRIAH
Artis

Canary Residence
@ Cheras Hartamas

3 & 4 TINGKAT VILLA EKSKLUSIF

UNIT SEBENAR SEDIA DIKUNJUNGI

- Kemudahan Kelab Rekreasi
- Kolam Renang
- Gimnasium
- Jakuzi Luaran*
- Lif Peribadi*
- Komuniti Berpagar Dengan 24 Jam Kawalan Keselamatan

- Berdekatan Dengan Kemudahan MRT
- Bumiputera Diskaun 7%
- Akses: Jalan Cheras, Lebuhraya Hubungan Timur - Barat & Lebuhraya Lingkaran Tengah 2

DISKAUN BUMIPUTERA 7%

HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT

www.ocr.com.my

Hubungi Kami: **03-7710 1000**

* Sah untuk villa 4 tingkat sahaja

OCR NOBLE LAND (CANARY) SDN BHD (967586-U)
A-3A-01, Block Allamanda, 10 Boulevard, Lebuhraya SPRINT PJU 6A, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
tel 03 7710 1000 fax 03 7729 0300 email enquiry@ocr.com.my

Meraikan sambutan Ramadan

6 masjid, 18 surau terima RM30,000

OLEH SYASYA SUFIAN

SUBANG JAYA - Enam masjid dan 18 surau di Subang Jaya menerima sumbangan RM30,000 sempena sambutan Ramadan tahun ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata sumbangan diberikan kepada semua masjid dan surau berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Katanya, agihan kepada pusat ibadat Islam itu sudah dilaksanakan sejak 2008.

"Setiap masjid menerima sumbangan cek bernilai RM2,000 manakala surau masing-masing menerima RM1,000.

"Ini adalah peruntukan Ramadan setiap tahun disediakan khusus bagi umat Islam melaksanakan apa juga bentuk program bagi meringankan kos masjid dan surau," katanya sewaktu



penyampaian cek kepada Surau dan Masjid di Pejabat Adun Subang Jaya, pada 10 Jun lalu.

Pada majlis sama, Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen turut menyampaikan sumbangan RM11,500 kepada masjid

dan surau di kawasan.

"Ini adalah kali pertama kita laksanakan dan peruntukan agak kecil kerana perlu dibahagikan kepada masjid dan surau di kawasan Seri Setia," katanya.

Prasarana digesa tepati janji

SUBANG JAYA - Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) digesa menunaikan janji mendirikan pagar keselamatan di USJ18 berhampiran Stesen LRT Wawasan yang bakal beroperasi awal Julai ini.

Naib Pengerusi Persatuan Penduduk (RA) USJ18, CC Lee, berkata Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sudah mengeluarkan tiga surat arahan kepada Prasarana untuk berbuat demikian.

"Bagaimanapun, sehingga kini tiada pagar keselamatan didirikan sedangkan LRT akan beroperasi tidak lama lagi yang pastinya menjadikan kawasan ini semakin sesak.

"Tanpa pagar keselamatan, kita bimbang kawasan ini menjadi tempat parkir pengguna LRT sepanjang hari seterusnya menggugat kesejahteraan kami," katanya dalam sidang media, pada 10 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara, Ng Sze Han dan Pengerusi USJ18 RA, Zaharom Nain.

Sze Han berkata, Prasarana turut 'berhutang' banyak perkara dengan penduduk Subang Jaya yang lain seperti janji mendirikan tempat meletak kereta bertingkat di Stesen LRT berhampiran Sime Darby Industrial Park.

"Prasarana digesa meman-



Tanpa pagar keselamatan, kita bimbang kawasan ini menjadi tempat parkir pengguna LRT sepanjang hari seterusnya menggugat kesejahteraan kami

CC LEE

Naib Pengerusi Persatuan Penduduk (RA) USJ18

dang serius kerunsingan penduduk. Kami mahu jawapan adakah segala janji akan dipenuhi atau sebaliknya," katanya.

RM1.35 juta turap jalan USJ18

SUBANG JAYA - RM1.35 juta diperuntukkan bagi kerja penurapan semula jalan sepanjang 9 kilometer (KM) sekitar taman perumahan USJ18, di sini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara, Ng Sze Han, berkata kerja penurapan merangkumi jalan utama taman termasuk laluan masuk kereta di hadapan rumah penduduk (*driveway*).

"Penduduk diingatkan terus melapor kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) jika terdapat pihak ketiga meminta wang bagi penurapan *'driveway'*."

"Kejadian penipuan ini pernah berlaku di kawasan lain, maka penduduk diingatkan supaya lebih berhati-hati," katanya dalam sidang media pada 10 Jun lalu.

Terdahulu, beliau bersama Penolong

Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan MPSJ, Mohd Razif Datuk Abdul Rahman dan Ahli Majlis, Yap Kok Weng melakukan lawatan tapak di Jalan USJ 16/3.

Kerja penurapan bermula 15 Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya hujung minggu ini.

Pada masa sama, Sze Han berkata, MPSJ memantau ketat kerja penurapan bagi mengelak pihak ketiga mengambil kesempatan ke atas penurapan *'driveway'*.

"Kontraktor juga diarahkan melakukan penurapan *driveway* sekali dengan jalan utama taman.

"Kebiasaannya penurapan *driveway* dilakukan di hujung projek menyebabkan pihak tidak bertanggungjawab berpeluang 'cari makan,'" katanya.



Gaya Hidup Yang Tersendiri Dalam Kejiranan Eksklusif Ara Damansara

HANYA UNIT BUMIPUTRA UNTUK DDUAL!

JEMPUTAN EKSKLUSIF KE URBANA RESIDENCES

Tempat : A-1-5, Jalan Todak 4, Sunway Business Park, 13700 Prai, Penang

Tarikh : 17 - 19 Jun 2016
24 - 26 Jun 2016

Masa : 10.30pg - 5.00ptg

Akses Ke 7 Lebuhraya Utama Dan Hab LRT Baru

Untuk maklumat lanjut,

Loyal Faragon Sdn. Bhd.
Lot 3.05, Level 3, 1 First Avenue,
Bandar Utama 47800 PJ, Selangor D.E, Malaysia

t: +603 7950 9688
m: +60111 269 4688
w: urbana.com.my

PAMERAN JELAJAH PULAU PINANG

KENYATAAN TENDER

BAGI KERJA - KERJA KUTIPAN SISA PEPEJAL DOMESTIK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

KDEB Waste Management Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor.
KDEB Waste Management Sdn. Bhd. mempelawa kontraktor - kontraktor yang masih sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM Kod Bidang - 221002 dan 221003) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja - kerja berikut:-

Bil.	Nombor & Nama Tender	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Kotak Tender	Tarikh Tutup	Bil.	Nombor & Nama Tender	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Kotak Tender	Tarikh Tutup
1	"KDEBWM/MPK/D-01/2016 : Zon MPK 1 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Aman Perdana, Klang Sentral, dan kawasan sekitar"	RM100.00				34	"KDEBWM/MPK/D-34/2016 : Zon MPK 34 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Raja Uda, Kampung Telok Gadong Besar, Taman Bayu Perdana, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
2	"KDEBWM/MPK/D-02/2016 : Zon MPK 2 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Klang Utama (Jalan Sungai Keramat, Jalan Sungai Puluh, Jalan Cempakasari), dan kawasan sekitar"	RM100.00				35	"KDEBWM/MPK/D-35/2016 : Zon MPK 35 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Razi, Taman Palm Grove, Taman Petaling, Taman Selatan, Taman Chi Liung, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
3	"KDEBWM/MPK/D-03/2016 : Zon MPK 3 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Bukit Raja 2 (Jalan Makyong, Jalan Gamelan, Jalan Sumazau, Jalan Rodat, Persiaran Sungai Keramat), dan kawasan sekitar"	RM100.00				36	"KDEBWM/MPK/D-36/2016 : Zon MPK 36 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Seri Andalas (Jalan Seri Sarawak, Jalan Seri Mersing, Jalan Seri Siantan, Jalan Seri Damak, Jalan Seri Banang, Jalan Seri Sedeli, Jalan Limau, Jalan Raja Jumaat, Lorong Haji Abdul Razak, Lorong Durian Sakat), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
4	"KDEBWM/MPK/D-04/2016 : Zon MPK 4 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Batu 4, Bandar Bukit Raja (Jalan Inang, Jalan Zapin), Taman Seri Pekan (Jalan Cendana), Mutiara Bukit Raja (Jalan Cokmar), Mutiara Bukit Raja 2 (Jalan Mahkota), dan kawasan sekitar"	RM100.00				37	"KDEBWM/MPK/D-37/2016 : Zon MPK 37 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Seri Andalas (Jalan Haji Abdul Karim, Jalan Rebana, Jalan Tengku Badri Shah, Jalan Bukit Badak), Taman Seri Mewah 4, Taman Menara Maju, Taman Sg Jati Permai, Taman Desa Indah, Taman Bunga Raya, Taman Saga (Jalan Bentara), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
5	"KDEBWM/MPK/D-05/2016 : Zon MPK 5 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Kembara, Taman Mewah, Taman Baiduri (Jalan Genting, Jalan Sungai Nibong, Jalan Sungai Bilah, Jalan Sungai Daun, Jalan Keretapi Lama, Jalan Sungai Saim, Jalan Murni, Jalan Wan Hassan), dan kawasan sekitar"	RM100.00				38	"KDEBWM/MPK/D-38/2016 : Zon MPK 38 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Jawa, Kampung Datuk Dagang, Taman Jati, Kg Dato Dagang, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
6	"KDEBWM/MPK/D-06/2016 : Zon MPK 6 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Seri Perepat (Jalan Perepat, Jalan Harapan), Taman Sungai Kapar Indah, dan kawasan sekitar"	RM100.00				39	"KDEBWM/MPK/D-39/2016 : Zon MPK 39 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Mesra (Jalan Samarinda), Jalan Bendahara 16, Jalan Bendahara 23-24, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
7	"KDEBWM/MPK/D-07/2016 : Zon MPK 7 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Khoo Kek Keng (Jalan Khoo Kek Keng), Taman Intan (Jalan Hamzah Alang), Taman Kapar Ria (Jalan Kapar Setia), Taman Putra Baru, dan kawasan sekitar"	RM100.00				40	"KDEBWM/MPK/D-40/2016 : Zon MPK 40 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Yusuf Shabudin, Jalan Bendahara), Taman Seri Indah 1, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
8	"KDEBWM/MPK/D-08/2016 : Zon MPK 8 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Seri Dua Belas, Taman Seri Kerayong, Taman Damai (Jalan Dato Kaya Kecil, Jalan Imam Abdul Aziz, Jalan Raja Abdul Rahman, Jalan Dato Tahir), Taman Emas (Jalan Raja Nala), Taman Saga, Taman Kapar Permai (Jalan Haji Yaakob), dan kawasan sekitar"	RM100.00				41	"KDEBWM/MPK/D-41/2016 : Zon MPK 41 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Sentosa (Jalan Hulubalang, Jalan Laksamana, Jalan Temenggung), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
9	"KDEBWM/MPK/D-09/2016 : Zon MPK 9 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kg Sungai Serdang, Kg Tok Muda, Taman Seri Kapar (Jalan Imam Ayob), Taman Seri Wangi (Jalan Kiyai Sujak, Jalan Imam Zakaria, Jalan Raja Mokhtar), dan kawasan sekitar"	RM100.00				42	"KDEBWM/MPK/D-42/2016 : Zon MPK 42 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Dagang, Jalan Dato Abdul Hamid 18-50), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
10	"KDEBWM/MPK/D-10/2016 : Zon MPK 10 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Perepat, Taman Tasik Sementa, Rakan Muda, Taman Klang Perdana, Taman Seri Sementa, Kg Sementa, Taman Sementa Jaya, Taman Sementa Utama, dan kawasan sekitar"	RM100.00				43	"KDEBWM/MPK/D-43/2016 : Zon MPK 43 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Puteri, Kampung Setia Baru, Bandar Putera (Jalan Kebun Nenas, Jalan Seri Gambut), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
11	"KDEBWM/MPK/D-11/2016 : Zon MPK 11 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Teluk Kapas, Taman Hijrah, Kampung Rantau Panjang, Taman Seri Rantau, Kg Rantau Panjang Dalam, Taman Hijrah 2, Kg Tanjung Syawal, Kg Sungai Pinang Dalam, Taman Sungai Agas, Taman Indah, Taman Sungai Putus, Taman Mewah Jaya, Kg Batu Belah, Taman Istimewa, Taman Jasa, dan kawasan sekitar"	RM100.00				44	"KDEBWM/MPK/D-44/2016 : Zon MPK 44 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Johan Setia, Taman Setia Permai, Taman Setia, Jalan Sopan, Jalan Pemurah, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
12	"KDEBWM/MPK/D-12/2016 : Zon MPK 12 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Delek Baru, Delek Baru, Kampung Delek Kanan, Kampung Delek Kiri, Telok Gadong Kecil, dan kawasan sekitar"	RM100.00				45	"KDEBWM/MPK/D-45/2016 : Zon MPK 45 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Taman Sentosa (Jalan Dato Dagang 1-20, Jalan Dato Abdul Hamid 1-16, Jalan Resak 1-4), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
13	"KDEBWM/MPK/D-13/2016 : Zon MPK 13 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kg Sungai Bertih, Taman Aneka Baru, Kg Sungai Udang, dan kawasan sekitar"	RM100.00				46	"KDEBWM/MPK/D-46/2016 : Zon MPK 46 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Klang Jaya, Taman Desawan, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
14	"KDEBWM/MPK/D-14/2016 : Zon MPK 14 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Wangi, Teluk Pulai, dan kawasan sekitar"	RM100.00				47	"KDEBWM/MPK/D-47/2016 : Zon MPK 47 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Bukit Tinggi (Jalan Batu Nilam 1-15), Jalan Batu Tinggi, Jalan Sentosa 6, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
15	"KDEBWM/MPK/D-15/2016 : Zon MPK 15 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Gembira, Kg Atap, dan kawasan sekitar"	RM100.00				48	"KDEBWM/MPK/D-48/2016 : Zon MPK 48 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Pandamaran Jaya, Kampung Idaman, Taman Pendamar Indah, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
16	"KDEBWM/MPK/D-16/2016 : Zon MPK 16 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan sebahagian Pusat Bandar Klang (selatan Sungai Klang), dan kawasan sekitar"	RM100.00				49	"KDEBWM/MPK/D-49/2016 : Zon MPK 49 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Baru Pandamaran, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
17	"KDEBWM/MPK/D-17/2016 : Zon MPK 17 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Balai Polis Klang, Balai Polis Trafik, Jalan Istana, Kuarters Istana, Mahkamah Sesyen Klang"	RM100.00	15 Jun 2016 hingga 16 Jun 2016	A	Sebelum Jam 12.00 Tengahari 21 Jun 2016 Selasa	50	"KDEBWM/MPK/D-50/2016 : Zon MPK 50 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Teluk Gedong Indah, Kota Pendamar, Taman Selat Selatan, dan kawasan sekitar"	RM100.00	15 Jun 2016 hingga 16 Jun 2016	A	Sebelum Jam 12.00 Tengahari 21 Jun 2016 Selasa
18	"KDEBWM/MPK/D-18/2016 : Zon MPK 18 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Pusat Bandar Klang (barat laut Sungai Klang), dan kawasan sekitar"	RM100.00				51	"KDEBWM/MPK/D-51/2016 : Zon MPK 51 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Bukit Tinggi 2 (Jalan Batu Nilam 16-35), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
19	"KDEBWM/MPK/D-19/2016 : Zon MPK 19 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Pusat Bandar Klang (timur laut Sungai Klang), dan kawasan sekitar"	RM100.00				52	"KDEBWM/MPK/D-52/2016 : Zon MPK 52 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Bandar Botani (Jalan Remia, Jalan Mahogani, Jalan Kasuarina), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
20	"KDEBWM/MPK/D-20/2016 : Zon MPK 20 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Rashna, Taman Intan, Taman Sg Rasa, Kg Bukit Kuda, Taman Summit, Taman Puncak, Kg Kuantan, Taman Kg Kuantan, dan kawasan sekitar"	RM100.00				53	"KDEBWM/MPK/D-53/2016 : Zon MPK 53 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Bandar Botani (Jalan Palma Raya, Jalan Jasmin, Jalan Jejawi, Jalan Akasia, Jalan Penaga, Jalan Bungor, Jalan Tecoma, Jalan Cassia, Jalan Kiara, Jalan Jenaris, Jalan Angsana, Jalan Rhu, Pangsapuri Palma, Pangsapuri Akasia, dan Pangsapuri Kasuarina), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
21	"KDEBWM/MPK/D-21/2016 : Zon MPK 21 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Eng Ann, Taman Berkeley, dan kawasan sekitar"	RM100.00				54	"KDEBWM/MPK/D-54/2016 : Zon MPK 54 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Kampung Pendamar, Kota Bayu Emas, Bandar Parkland, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
22	"KDEBWM/MPK/D-22/2016 : Zon MPK 22 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Baru Klang, Flat Cempaka, Flat Anggerik, Kondo Palma Raya, Kondo Bandar Baru Klang, dan kawasan sekitar"	RM100.00				55	"KDEBWM/MPK/D-55/2016 : Zon MPK 55 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Pulau Indah (utara Lebuhraya Pulau Indah: Armada Putera, Markas Polis Marin Pelabuhan Barat), dan kawasan sekitar"	RM100.00			
23	"KDEBWM/MPK/D-23/2016 : Zon MPK 23 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Sia Hong, Taman Meru, Kawasan Perniagaan Jalan Pekan Baru, Jalan Pasar Baru, dan kawasan sekitar"	RM100.00				56	"KDEBWM/MPK/D-56/2016 : Zon MPK 56 - Kerja-kerja kutipan sampah di sebahagian Pulau Indah (selatan Lebuhraya Pulau Indah: Taman Laguna, Kampung Sungai Pinang, Kg Telok Nipah, Kg Sungai Kembong, Kg Perigi Nenas, Pulau Indah), Telok Gong, Kg Hamid Tuah, Kg Perajurit, Kg Nelayan, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
24	"KDEBWM/MPK/D-24/2016 : Zon MPK 24 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Jalan Meru, Perumahan Persiaran Pulau Pinang, dan kawasan sekitar"	RM100.00				57	"KDEBWM/MPK/R-57/2016 : Zon MPK 57 - Kerja-kerja kutipan sampah tong sampah Roro di Kompleks Pasar Besar Jalan Meru, Klang"	RM100.00			
25	"KDEBWM/MPK/D-25/2016 : Zon MPK 25 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Haji Ismail, Kampung Sungai Pinang, Taman Seri Pinang, dan kawasan sekitar"	RM100.00				58	"KDEBWM/MPK/R-58/2016 : Zon MPK 58 - Kerja-kerja penarikan tong sampah Roro di Pangsapuri Bukit Kuda Dan Pelangi Court, Jalan Pekan Baru ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram"	RM100.00			
26	"KDEBWM/MPK/D-26/2016 : Zon MPK 26 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Bahagia (Jalan Pauh Kijang), Taman Bunga Melor (Jalan Sentosa, Jalan Muda), dan kawasan sekitar"	RM100.00				59	"KDEBWM/MPK/R-59/2016 : Zon MPK 59 - Kerja-kerja penarikan tong sampah Roro di Transfer Station, Jalan Lembaga Bandaran ke Tapak Pelupusan Sampah Jeram"	RM100.00			
27	"KDEBWM/MPK/D-27/2016 : Zon MPK 27 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Meru Utama, Taman Meru III, Taman Daya Meru, dan kawasan sekitar"	RM100.00				60	"KDEBWM/MPK/R-60/2016 : Zon MPK 60 - Kerja-kerja kutipan sampah tong Roro dan tong MGB di Pasar Pelabuhan Klang, Pasar Pandamaran, Kuarters Kastam Pelabuhan Klang, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
28	"KDEBWM/MPK/D-28/2016 : Zon MPK 28 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Meru IV (Jalan Meru Setia, Jalan Meru Indah), Taman Sri Puteri, Taman Berkat, Taman Dato Bandar Meru, dan kawasan sekitar"	RM100.00				61	"KDEBWM/MPK/R-61/2016 : Zon MPK 61 - Kerja-kerja kutipan sampah tong Roro di Flat Sri Angkasa, Kuarters Polis Bandar Baru Andalas, dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang"	RM100.00			
29	"KDEBWM/MPK/D-29/2016 : Zon MPK 29 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Taman Saujana Meru, Taman Kiai Ridzuan, Taman Harumanis, Kampung Haji Mohd Shariff, dan kawasan sekitar"	RM100.00				62	"KDEBWM/MPK/R-62/2016 : Zon MPK 62 - Kerja-kerja penarikan tong sampah Roro di Klang Villa, Bandar Sultan Sulaiman, dan kawasan sekitar"	RM100.00			
30	"KDEBWM/MPK/D-30/2016 : Zon MPK 30 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bukit Kapar Zon 1 Dan Zon 2, Kampung Bukit Kapar, Taman Desa Permai (Jalan Meranti Bunga, Jalan Meranti Putih), Jalan Iskandar, Jalan Cerakah, dan kawasan sekitar"	RM100.00				63	"KDEBWM/MPK/D-63/2016 : Zon MPK 63 - Kerja-kerja kutipan sampah di tong standing bin di kawasan Pusat Bandar Klang Utara, Klang Selatan, dan Pusat Bandar Sri Andalas"	RM100.00			
31	"KDEBWM/MPK/D-31/2016 : Zon MPK 31 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Utara, Tanjung Harapan, Bagan Hailam, Kampung Sungai Sireh, Kampung Sungai Sireh Tambahan, dan kawasan sekitar"	RM100.00				64	"KDEBWM/MPK/R-64/2016 : Zon MPK 64 - Kerja-kerja kutipan sisa domestik menggunakan Roro di sepanjang Jalan Kapar dari Bandar Klang sehingga Persimpangan Jalan Kuala Selangor"	RM100.00			
32	"KDEBWM/MPK/D-32/2016 : Zon MPK 32 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Pelabuhan Klang (utara Persiaran Raja Muda Musa, selatan KTM), dan kawasan sekitar"	RM100.00				65	"KDEBWM/MPK/R-65/2016 : Zon MPK 65 - Kerja-kerja kutipan sisa domestik menggunakan Roro di sepanjang Jalan Kebun Nenas sehingga Jalan Raja Nong, Klang, Selangor"	RM100.00			
33	"KDEBWM/MPK/D-33/2016 : Zon MPK 33 - Kerja-kerja kutipan sampah di kawasan Pelabuhan Selatan (selatan Persiaran Raja Muda Musa), Taman Kem, dan kawasan sekitar"	RM100.00				66	"KDEBWM/MPK/R-66/2016 : Zon MPK 66 - Kerja-kerja kutipan sisa domestik menggunakan Roro di sepanjang Jalan Sg. Jati sehingga Jalan Tun Razak, Klang, Selangor"	RM100.00			
						67	"KDEBWM/MPK/R-67/2016 : Zon MPK 67 - Kerja-kerja kutipan sisa domestik menggunakan Roro di sepanjang Jalan Batu Belah sehingga Jalan Bandar Sultan Sulaiman, Klang, Selangor"	RM100.00			
						68	"KDEBWM/MPK/R-68/2016 : Zon MPK 68 - Kerja-kerja kutipan sisa domestik menggunakan Roro di sepanjang Jalan Kota Raja sehingga Jalan Kebun, Klang, Selangor"	RM100.00			

Pembayaran bagi setiap set dokumen tender yang dibeli boleh menggunakan wang tunai yang disertakan dengan salinan sijil pendaftaran KKM dan UPEN yang masih sah dan akses bagi muat turun dokumen tender akan mula dijual mengikut tempoh masa seperti yang telah ditetapkan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut;

KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD.
"LOT 18.2, ARAS 1A, PLAZA PERANGSANG,"
"PERSIARAN PERBANDARAN, 40000 SHAH ALAM,"
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-5511 4344

"Dokumen Tender yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis dipenjurukan atas sebelah kiri Nombor Tender dan Nama Zon (seperti tertera pada dokumen tender) dan dimasukkan ke dalam KOTAK "A" seperti yang tertera di alamat di atas."

Nota: Sila pastikan dokumen tender yang telah lengkap dihantar sebelum tarikh tutup dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas bagi mengelakkan tender anda ditolak.



▲ ADN Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan mengedarkan tong minyak masak terpakai kepada peniaga di Bazar Ramadan berhampiran Surau Ikhwam Taman Samudra, Batu Caves



▲ ADN Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar menyertai solat Dhuha dan Tasbeih bersama penduduk setempat dalam Program Ihya' Ramadhan Wanita di Masjid Ar Rahman Hulu Bernam



▲ ADN Bebas, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyantuni hadirin di Pusat Khidmat Bandar Tun Razak bagi sesi perbincangan isu semasa



▲ ADN Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran mendengar penerangan kontraktor berkenaan kerosakan jalan di PJ Sentral ekoran kenderaan berat



▶ ADN Batu Caves, Amirudin Shari menyampaikan sumbangan kepada anak yatim di Masjid Jamiatus Solahiah, Sungai Tua



▶ ADN Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menziarahi Ketua Balai Polis Kuala Kubu Bharu, ASP Razip yang sedang menerima rawatan di hospital DUN terbabit



◀ Ahli Parlimen Hulu Langat, Che Rosli Che Mat bersama jentera pilihan raya mengedarkan makanan halal kepada masyarakat Cina di Sungai Besar



◀ Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama penduduk di Surau At-Taufiqiah, Taman Medan Cahaya, PJS 2



▲ ADN Bukit Lanjan, Elizabeth Wong menyertai Asics City Run, Kuala Lumpur bersama belia di DUN itu

Maqasid Syariah asas penggubalan dasar Kerajaan Negeri

Demi kemaslahatan rakyat

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam istiadat pembukaan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-13 tahun lalu berkenaan Maqasid Syariah diangkat sebagai asas penggubalan dasar bagi Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Institut Darul Ehsan (IDE) dipertanggungjawabkan melakukan kajian mendalam sebelum Maqasid Syariah diaplikasi dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Wartawan, LIZAWATI MADFA menemubual Pengerusi IDE, DATUK DR SIDDIQ FADZIL bagi merungkai persoalan berkenaan Maqasid Syariah.



Bagaimana Datuk melihat penerimaan masyarakat terhadap Maqasid Syariah?

Maqasid Syariah bukan sesuatu yang baru dan ia sebenarnya sebahagian tradisi keilmuan Islam dan ilmu usul fiqh. Hanya sekarang, Maqasid Syariah mendapat sorotan istimewa. Dahulu, ia disentuh sepingtasan lalu dalam pengajian usul fiqh.

Bertolak daripada hakikat itu, bagi masyarakat Islam Malaysia, Maqasid Syariah bukanlah asing cuma hanya akhir-akhir ini mendapat perhatian dan saya merasakan sambutan masyarakat juga sangat positif.

Ia terbukti berdasarkan sambutan seminar nasional Maqasid Syariah baru-baru ini dihadiri 600 peserta mengikuti pembentangan dari pagi hingga petang. Saya optimistik masa depan bidang ini.

Apakah usaha harus dimainkan pihak berkaitan untuk menerangkan dan memperhalusi Maqasid Syariah dalam kalangan masyarakat?

Pelbagai pihak boleh berperanan dalam memperdalam dan mengembangkan Maqasid Syariah terutama sekali intitusi pengajian tinggi (IPT), pendidikan dan badan dakwah.

Yang penting meratakan kesedaran Maqasid Syariah supaya fenomena disebut dalam dunia keilmuan Islam masa kini mampu membawa kesedaran baru secara

meluas ke seluruh rantau ini.

Di peringkat universiti, boleh diwujudkan subjek Maqasid Syariah sebagai disiplin ilmu khusus diajarkan secara mendalam. Badan dakwah juga berperanan mengembangkan kesedaran kepada rakyat. Institut biasa juga boleh mengajar subjek Maqasid Syariah.

Malah, saya percaya adalah sangat baik jika ada buku teks Maqasid Syariah untuk rujukan masyarakat awam.

Bagaimana Maqasid Syariah mampu dimanfaatkan dan diaplikasi untuk pembangunan Selangor?

Dalam konteks Selangor, memang pendekatan IDE lebih kepada pendekatan aplikatif iaitu pelaksanaan. Ertinya orientasi kita bukan pada tahap teori tapi juga pada tahap pelaksanaan. Konteks Selangor tidak bertolak kosong kerana sebahagian dasar Kerajaan Negeri sesuai Maqasid Syariah cuma perlu dimantapkan dan dipandu hala tuju untuk masa depan.

Contohnya, dasar Kerajaan Negeri berkenaan tanah rizab Melayu. Di Selangor setiap kehilangan tanah sama ada untuk pembangunan atau sebab lain terus diganti. Amalan ini sesuai dengan salah satu objektif syariah iaitu memelihara harta umat Islam.

Begitu juga dengan pemberian air percuma yang selaras dengan objek-

tif memelihara jiwa. Air adalah sumber keperluan asas penting untuk rakyat teruskan kehidupan. Ia bukan sesuatu untuk diniagakan bagi mencapai keuntungan. Kerajaan Negeri melihat sudut ini, maka program pemberian air percuma tentu sekali berlandaskan Maqasid Syariah.

Malah banyak lagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) selaras Maqasid Syariah. Kesemua program ini bertujuan menjaga kepentingan rakyat. Ini juga disebut Menteri Besar sebagai ekonomi manusiawi iaitu membangunkan ekonomi untuk membawa kebaikan dan kebajikan kepada rakyat. Maka rakyat tidak ketinggalan merasai nikmat kemajuan ekonomi negeri.

Pada pandangan Datuk, mengapa Maqasid Syariah wacana penting untuk difahami masyarakat? Apa pentingnya dalam masyarakat?

Sangat penting kerana ia adalah keperluan masa kini terhadap semua golongan masyarakat. Ia penting bagi ahli perundangan untuk menetapkan hukum dengan didasari kesedaran objektif hukuman dikenakan. Mereka harus memastikan setiap hukuman mencapai Maqasid Syariah. Tiada ertinya jika hukuman gagal mencapai objektif diinginkan.

Di samping itu, penting juga Maqasid Syariah untuk memberi jawapan kepada permasalahan masa kini. Orang awam perlu mengetahui sekurangnya dalam ru-

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN INDUSTRI KOMUNITI KAMPUNG 2016

#SmartUMPH #SmartSelangor



YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali DATUK MENTERI BESAR

YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Halil KECOH KERAJAAN NEGERI

KURSUS YANG DITAWARKAN

1 Usahawan Kiosk Makanan

(Aiskrim Colek | Pau Maharani, Ice Blended | Cendol dan Rojak, Apam Balik | Keropok Lekor)

2 Usahawan Terapi Komplimentari

(Stimulotherapy)

3 Usahawan Membaiki Kasut

4 Usahawan Gunting Rambut

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :
Urusetia **03-5544 7921 / 7920**

Portal Selangor <http://www.selangor.gov.my>

Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 1 JULAI 2016

Syarat Penyertaan dan Borang Penyertaan boleh diperolehi di Pusat Khidmat Masyarakat yang berhampiran atau Muat Turun di <http://www.selangor.gov.my>

Anjuran JAWATANKUASA TETAP PEMBANGUNAN DESA DAN KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR Dengan Kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS & Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (ITKAU)

(Maqasid Syariah) sangat penting kerana ia adalah keperluan masa kini terhadap semua golongan masyarakat. Ia penting bagi ahli perundangan untuk menetapkan hukum dengan didasari kesedaran objektif hukuman dikenakan. Mereka harus memastikan setiap hukuman mencapai Maqasid Syariah

DR SIDDIQ FADZIL
Pengerusi IDE

ang lingkup terhad objektif mereka melakukan sesuatu.

Mereka perlu sedar apa keperluan solat, zakat dan puasa. Tiada guna jika bersolat tanpa henti tetapi objektif solat tidak tercapai. Sehari menahan lapar dan dahaga tetapi objektif puasa tidak dapat dirasai. Jadi mereka perlu sedar Maqasid Syariah supaya kehidupan beragama mereka lebih berkesan.

Bagaimana kaedah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan Maqasid Syariah?

Apa yang perlu ditekankan Maqasid Syariah ini keperluan semua pihak, walau di mana mereka berada termasuk pembuat dasar, pelaksanaan dasar, pendidik, pendakwah hatta orang awam sekalipun perlu tahu Maqasid Syariah.

Mereka perlu tahu pada tahap sesuai mengikut keperluan masing-masing. Jika orang awam tentunya mereka tidak perlu menelaah buku tebal, cukuplah sekadar mengikut batas keperluan mereka. Berbeza dengan mereka dalam kalangan perundangan semestinya memerlukan kefahaman Maqasid Syariah lebih tinggi.

Bagaimana wacana Maqasid Syariah ini boleh difahami dan dimanfaatkan masyarakat bukan Islam?

Jika dilihat kandungan Maqasid Syariah terbahagi kepada lima objektif iaitu memelihara agama, jiwa dan nyawa, akal, keturunan dan harta. Kesemua ini sebenarnya nilai sejagat kepada semua orang tidak kira agama dan tamadun.

Perkara ini sudah diketahui dan diperakui sekian lama dunia barat. Maka nilai sejagat Maqasid Syariah sudah tiba masanya di-



uar-uarkan dalam konteks rakyat berbilang kaum.

Islam boleh menawarkan Maqasid Syariah kepada dunia sebagai titik pertemuan golongan berbeza termasuk konteks dalaman umat Islam sendiri iaitu perbezaan mazhab.

Saya percaya jika ini dilaksanakan secara bijaksana dan matang, maka Maqasid Syariah boleh menjadi jambatan dialog di antara agama.

Perbincangan sumber Maqasid Syariah banyak diperoleh dalam tradisi keilmuan Timur Tengah, adakah wujud sumber perbincangan terbabit dalam konteks rantau ini khususnya?

Kalau dilihat kenyataan masa

kini memang wacana Maqasid Syariah lebih subur di Asia Barat atau tokoh dari Asia Barat. Tetapi dialog dan kegiatan wacana merata bukan di Arab sahaja, malah di London juga selalu dianjurkan wacana Maqasid Syariah.

Hakikatnya memang kebanyakan mereka yang promosi dan beri perhatian kepada bidang Maqasid Syariah ini latar belakangnya dari Asia Barat.

Tetapi untuk mengatakan Maqasid Syariah tidak punya akar di rantau Melayu itu tidak benar. Masyarakat sudah mengenali usul fikih sejak dahulu. Jadi asas Maqasid Syariah sudah ada cuma istilahnya pada ketika itu mungkin tidak meluas. Lima objektif syariah itu jika dipendekkan menjadi satu per-

kataan, maka perkataan sesuai adalah masalah.

Istilah masalah itu digunakan meluas, kadang-kadang dikenali masalah ammah yang diketahui para ulama dan pelaksana dasar.

Maka Maqasid Syariah bukan asing, cuma istilahnya berbeza namun tetap membawa maksud sama. Mereka sudah mengenal dan melaksanakannya dengan batas tertentu.

Begitu juga dengan perkataan hikmah; mereka sebut hikmah solat, puasa dan haji. Hikmah itulah Maqasid Syariah. Cuma istilahnya berbeza.

Apa perlu dilakukan sekarang adalah mendalami persoalan Maqasid Syariah sebab saya lihat perbahasan berkenaan membeku untuk suatu jangka waktu sangat lama dan kekal di takuk sama tanpa mengembangkannya sebagai respon kepada persoalan masa kini yang begitu banyak dan mencabar.

Selain mendalami lebih jauh Maqasid Syariah, elok juga ditinjau penekanan kepada dimensi pelaksanaan bagaimana Maqasid Syariah dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan boleh dilakukan.

Dengan itu, ada maqasid dalam politik, ekonomi, pendidikan dan dalam semua bidang kehidupan.

Pendekatan kita tidak lagi berkisar soal teori tetapi menjujur ke tahap aplikasi atau pelaksanaannya.

PERTANDINGAN WAU KAPAL TERBUKA NEGERI SELANGOR 2016

**31 JULAI 2016, | PADANG SUKAN
8 pagi | KOLEJ MARA BANTING, KUALA LANGAT**

<p>KATEGORI WAU KAPAL MODEN DI UDARA (SATU PANGANG TEMPURUNG)</p> <p>KATEGORI WAU KAPAL TRADISI TERCANTIK DI BUMI</p> <p>KATEGORI PAKAIAN TRADISIONAL TERCANTIK</p>	<p>JOHAN RM 1000 NAIB JOHAN RM 700 KETIGA RM 500 TEMPAT KE 4 - KE 10 RM 100 SAGUHATI RM 50 X 15 CABUTAN BERTUAH HAMPER RM 40 X 10</p> <p>5 PESERTA TERPILIH</p>
--	---

ANJURAN
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
Dengan Kerjasama

TARIKH TUTUP PENYERTAAN PADA 28 JULAI 2016 (TERBUKA KEPADA 600 PENYERTAAN TERAWAL)

BORANG-BORANG PERTANDINGAN DAN KETERANGAN LANJUT SILA LAYARI www.padat.gov.my
atau hubungi Anas (019-2333554) / Zaidon (012-3461998) / Zuhair (019-2459006)

D'Kayangan saji aneka juadah

Bukan sekadar steamboat dan grill

D'Kayangan Grill BBQ Steamboat, Seksyen 13 bukanlah nama asing dalam kalangan penggemar makanan terutama di sekitar Shah Alam.

Lebih enam tahun beroperasi, restoran itu cukup sinonim buat mereka yang gemarkan menu *steamboat grill* pada harga berpatutan dengan rasa memuaskan.

Sempena sambutan Ramadan kali ini, D' Kayangan turut mengambil peluang menawarkan bufet istimewa dengan pelbagai juadah enak berkonsepkan 3 dalam 1 bagi memenuhi citarasa anda.

Buat mereka yang mungkin ingin mencuba menu baru, jangan gusar kerana D'Kayangan Grill BBQ Steamboat turut menawarkan aneka juadah lain yang pasti memikat selera.

Tiada sesiapa mampu menolak jika dihidangkan kambing panggang dan nasi briyani gam yang pastinya membuatkan anda kecur air liur, apatah lagi ia antara makanan kegemaran kebanyakan masyarakat.

Bukan itu sahaja, pengunjung juga berpeluang merasai keenakan ayam kampung goreng berempah bersama gulai kawah daging cincang dan gulai kawah ayam yang dimasak menggunakan rempah ratus terpilih.

Selain itu, D'Kayangan turut menyajikan hidangan barbeku istimewa, antaranya ayam skewer berempah, kunyit dan cilantro, daging skewer hitam manis, sotong skewer



pedas cilantro, aneka udang dan ikan dan lain-lain.

Bagi *steamboat* pula, pengunjung diberi pilihan antara sup ayam atau tomyam sebagai kuah rebusan untuk diikmati bersama aneka makanan laut segar.

Pilihan tersedia tentunya udang besar, ketam, kupang, kepah, kerang, sotong, isi ikan, bamboo lala dan banyak lagi.

Pelbagai bebola, sayuran, aneka mi dan fucuk turut disediakan untuk pilihan pelanggan.

Terdapat juga pelbagai pilihan sos dibuat sendiri oleh Chef Shahnizam seperti sos cili pedas, sos cili Thai, sos manis, sos bawang putih, sos lada hitam, sos yong tau foo dan lain-lain.

Pencuci mulut turut disajikan seperti

'Breads & Butter Pudding with Vanilla Sauce', aneka kek, krim puff mini, 'round cake cut', brownies coklat, agar-agar dan buah-buahan.

Menariknya, pelanggan hanya perlu membayar serendah RM49.90++ untuk dewasa dan RM 24.00++ bagi kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun.

Mempunyai ruang santai, restoran itu boleh menampung sehingga 500 orang dalam satu masa, malah terdapat juga kemudahan lain seperti surau yang selesa dan tempat letak kereta luas.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman Facebook 'Steamboat-BBQ-Buffer-DKayangan' dan Instagram #dkayangansteamboat.

Anda juga boleh berkunjung ke restoran ini di No 1, Apartment Servis Sri Acapella, Jalan Lompat Tinggi 13/33, Seksyen 13, Shah Alam.

Pengunjung juga boleh membuat tempahan terus di restoran dengan menghubungi talian 012-2971091 / 017-507 6274 / 03-55234979.



NOTIS

PEMBERITAHUAN TENTANG PUBLISITI AWAL DI BAWAH SUBSEKSYEN 12A. AKTA 172 BERKAITAN PENYEDIAAN KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT 2030 (RTKL 2030)

Menurut Subseksyen 12A. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa pameran maklumat awal berkenaan penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 tersedia untuk di periksa bermula dari **13hb. Jun - 1hb. Julai, 2016** pada hari bekerja di tempat-tempat seperti yang berikut :-

Tempat	Tarikh	Masa
Tingkat 16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam	13hb. Jun - 1hb. Julai, 2016	8.30 pg - 4.30 ptg
Lobi Majlis Daerah Kuala Langat, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor	13hb. Jun - 1hb. Julai, 2016	8.30 pg - 4.30 ptg

Segala pandangan/ cadangan berkenaan dengan penyediaan Kajian Rancangan Tempatan tersebut boleh dikemukakan dengan menggunakan borang yang disediakan, surat ataupun memorandum kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan JPBD Selangor **sebelum atau pada 1hb. Julai, 2016**. Borang pandangan, surat ataupun memorandum itu hendaklah dihantar atau melalui email seperti di bawah :-

<p>PENGARAH Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor</p> <p>Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan No.3, Jalan Indah, Seksyen 14 40646 Shah Alam Selangor Darul Ehsan No. Tel. : 03-5511 6666 No. Faks : 03-5510 5051 Email : webmaster@jpbdselangor.gov.my Laman Web : www.jpbdselangor.gov.my</p>	<p>Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Langat</p> <p>Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan No. Tel. : 03-3187 2825 No. Faks : 03-3187 9304 Email : admin@mdkl.gov.my Laman Web : www.mdkl.gov.my</p>
--	---

SACC agih bubur lambuk istimewa setiap Jumaat

Bufet Ramadan tawar harga mampu milik



Tahun ini, SACC mengorak langkah baru dengan program CSR 'Bubur Lambuk - Nikmat Iftar' iaitu pengagihan bubur lambuk secara percuma kepada orang ramai yang akan diadakan di luar kawasan Westside Bistro berhampiran pintu barat SACC setiap Jumaat, mulai jam 3 petang

MOHD RAWI
Pengarah F&B SACC



OLEH HAFIZAN TAIB

RAMADAN sentiasa menghadirkan kemeriahan kepada umat Islam, bahkan pelbagai pihak menyediakan kemudahan berbuka puasa di premis perniagaan mereka tidak kira hotel atau restoran.

Tidak terkecuali Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Shah Alam yang saban tahun menyediakan perkhidmatan bufet Ramadan untuk dinikmati orang ramai termasuk bukan Islam dengan harga berpatutan.

Bertemakan 'Nikmat Iftar', Bufet Ramadan 2016 di SACC menampilkan suasana berbeza dengan sajian lebih 100 masakan selera minang hasil gabungan hidangan Malaysia.

Tentunya sajian tersedia memenuhi selera ramai dengan sambutan Ramadan tahun ini memberikan kelainan dan pengalaman berbeza kepada semua hasil buah tangan istimewa SACC.

"Bufet Ramadan tahun ini meneruskan tradisi SACC saban tahun dengan objektif dibawa adalah berbakti melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami kepada masyarakat.

"Tahun ini, SACC mengorak langkah baru dengan program CSR 'Bubur Lambuk - Nikmat Iftar' iaitu pengagihan bubur lambuk secara percuma kepada orang ramai yang akan diadakan di luar kawasan Westside Bistro berhampiran pintu barat SACC setiap Jumaat, mulai jam 3 petang," kata Pengarah F&B SACC, Mohd Rawi Abu Bakar.

Program itu dijalankan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama berkongsi nikmat dan berkat berpuasa.

Menambah kemeriahan bufet Ramadan tahun ini, SACC menyediakan hidangan kemuncak iaitu kambing kebuli masakan berasal dari Timur Tengah yang biasanya dihidangkan ketika sambutan Maulidur Rasul.

SACC berusaha membawa pengaruh itu kepada masyarakat setempat yang memberi sambutan baik hingga diangkat menjadi hidangan rasmi.

Pada Ramadan tahun lalu, Chef Eksekutif, Jamil Napih dan Sous Chef, Rizal Nahar memperkenalkan sup periuk yang mendapat sambutan menggalakkan dengan SACC menjadikannya sebagai satu lagi hidangan rasmi bufet Ramadan.

"Orang ramai boleh menikmati hidangan lazat ini ketika sambutan Ramadan di premis kami. Jangan lepaskan peluang menikmati sup ini kerana citarasanya yang sempurna hasil gabungan rempah ratus bersama ayam, daging, kambing, ekor dan tulang," katanya.

Apa yang menarik pada Nikmat Iftar tahun ini adalah Aidilfitri Bazaar yang akan berlangsung di Tingkat 1, SACC mulai jam 10 pagi dari 13 Jun hingga 3 Julai ini.

Sambil menjamu selera, pengunjung juga boleh membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Baucar ditawarkan RM88++ untuk dewasa dan RM44++ (kanak-kanak 7 hingga 10 tahun), manakala kanak-kanak di bawah enam tahun dijamu secara percuma dan SACC turut menawarkan kepakaran dalam setiap masakan disajikan.

Bagi golongan korporat, SACC juga menyediakan pakej korporat dengan tawaran harga istimewa bermula RM40++ dengan jumlah minima tetamu 50 orang.

Mohd Rawi berkata pakej terbabit disediakan khusus buat kalangan korporat bagi menceriakan sambutan Ramadan tahun ini.

"Pakej ini menyediakan ruang khas untuk tetamu dan anda boleh menghubungi SACC untuk berbilang bagi memastikan sambutan Ramadan berjalan lancar dan menjadi satu pengalaman sukar dilupakan," katanya.

Orang ramai turut berpeluang memenangi baucar Nikmat Iftar secara percuma melalui kuiz di halaman Facebook SACC dan pastikan anda mengikuti pengumumannya di situ: [SACCOfficialnew](#) dan [Instagram: shahalamconventioncentre](#).

Untuk sebarang pertanyaan, boleh menghubungi SACC di talian 03-5511 8858 atau layari [www.sacc.com.my](#)






Nikmat Iftar

Pusat Konvensyen Shah Alam

SELERA MINANG

Bufet Ramadan
8 Jun - 3 Julai 2016

RM88+

DEWASA

RM44+

UMUR 7-10 TAHUN
& 60 TAHUN KE ATAS



SNAP & SHOW!

Percuma 1 Bufet Ramadan
Kanak-kanak Dengan Setiap
Pembelian 1 Bufet Ramadan Dewasa





AIDILFITRI BAZAR

DARI
13 Jun
HINGGA
3 Julai
10 PAGI - 12 MALAM

Hubungi SACC Untuk Tempahan:
+03-5511 8858 / 8813 / +013-250 2858
ramadan@sacc.com.my

MPSJ periksa 22 bazar Ramadan

Kompaun RM1,000 jika masih guna polisterin

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Peniaga makanan termasuk di bazar Ramadan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) boleh dikenakan kompaun RM1,000 jika masih menggunakan bekas makanan polisterin.

Yang Dipertua MPSJ, Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata penguatkuasaan itu dibuat selepas MPSJ mula memperkenalkan kempen terbabit bagi tujuan men-

didik peniaga terhadap kesan polisterin kepada alam sekitar sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Tahun sudah kita cuma kempen mengingatkan tetapi kali ini kita buat betul-betul. Sesiapa yang masih memakai polisterin dikompaun RM1,000.

"Kita harap peniaga patuh kerana sudah beritahu sebelum ini. Setakat ini belum ada lagi dikenakan kompaun dan diharap keadaan ini terus kekal," katanya kepada pemberita di Pasaraya Mydin,

pada 12 Jun lalu.

Katanya, selain isu penggunaan bekas makanan polisterin, MPSJ turut membuat pemeriksaan terhadap tahap kebersihan peniaga makanan di semua 22 Bazar Ramadan di dalam pentadbirannya.

Antara langkah diambil adalah mengambil sampel makanan dijual peniaga.

Katanya, sehingga kini MPSJ belum menerima sebarang aduan keracunan makanan sama ada daripada orang ramai atau media.

MBPJ: Tidak guna polisterin bermula 1 September

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menguatkuasakan kempen tidak menggunakan polisterin di semua premis makanan bawah pentadbirannya bermula 1 September.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pelaksanaan itu dilakukan secara berperingkat.

"Kita mahu memberi kesedaran kepada semua pihak dalam pelaksanaan ini dan ia berjaya mengurangkan sampah di kawasan terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Bazar Ramadan Mampan di SS6/1, pada 11 Jun lalu.

Mohd Azizi berkata pada peringkat awal, MBPJ akan mengeluarkan notis pemberitahuan sebelum tindakan kompaun yang akan dikaji selepas itu.

"Kita mahu semua pihak bersedia terhadap pelaksanaan ini, sebab itu kita hanya berikan mereka notis terlebih dahulu.

"Selepas itu, pihak MBPJ memainkan peranan untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Bazar Ramadan Mampan fokus kebersihan dan keselamatan

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) komited mewujudkan bazar bersih dan teratur, tanpa gangguan kepada penduduk, pengurusan sampah dan kerja pembersihan efisien.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata hasrat itu mampu dicapai menerusi projek perintis Bazar Ramadan Mampan 2016.

"MBPJ mahu mengurangkan indeks kebersihan Petaling Jaya iaitu kurang dari 2.5 dengan melantik 19 kontraktor pembersihan di kawasan bazar seluruh Petaling Jaya," katanya selepas merasmikan projek perintis Bazar Ramadan mampan, di SS 6/1, pada 11 Jun lalu.

Pada tahun ini, 1,354 peniaga memohon lesen di 20 lokasi bazar Ramadan sekitar Petaling Jaya.

Sebanyak 530 contoh makanan diuji, enam darinya positif dan dikenakan kompaun.

Beliau berkata, MBPJ turut mengetatkan syarat penjaja tahun ini iaitu tidak membenarkan penggunaan beg plastik.

"Peniaga dikenakan kompaun RM250 jika tidak memakai apron, penutup kepala, tidak mempamerkan lesen dan gagal membersihkan bazar," katanya.

Sebanyak 185 notis dan 57 kompaun dikeluarkan MBPJ atas kesalahan berniaga tanpa lesen dan meninggalkan barang di lokasi bazar.

Manakala lima notis dan 108 kompaun dikeluarkan unit penjaja MBPJ atas kesalahan tidak mematuhi syarat lesen.

Pada 2015, jumlah sampah dijana empat bazar Ramadan adalah sebanyak 181.74 tan.

Dari jumlah itu, dianggarkan purata setiap bazar menghasilkan 4.52 kilogram sampah setiap hari dan sebanyak 135.75 kilogram sebulan bagi setiap petak.

Projek Bazar Ramadan Mampan 2016 itu disuntik Kerajaan Negeri dengan peruntukan khas sebanyak RM10,000.



Bawa bekas makanan sendiri dapat hadiah

PETALING JAYA - Setiap pengunjung bazar Ramadan membawa bekas makanan sendiri berpeluang menerima hadiah 'Foldable Bicycle' daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sempena sambutan ke 10 tahun MBPJ.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata hadiah terbabit sebagai usaha mempromosikan kempen bawa bekas makanan sendiri sekali gus mendidik masyarakat mengurangkan penggunaan pembungkusan polisterin.

"Setiap pengunjung yang membawa bekas makanan akan diberi satu cop setiap hari dan lima cop terkumpul akan mendapat hadiah sagu hati dan layak mendapat cabutan bertuah pada 20 Jun depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan projek perintis Bazar Ramadan Mampan, di SS 6/1, pada 11 Jun lalu.

Mohd Azizi berkata, peniaga digalakkan menggunakan alternatif baru iaitu pembungkusan 'Biodegradable' sebagai ganti pada polisterin.

BELAJAR PERCUMA PELUANG BELAJAR SAMBIL BEKERJA

Program Perantisan Kemahiran Belta BAGI LEPASAN SPM

TERBUKA KEPADA

- Warga negara Malaysia
- Berkecualan SPM
- Umur tidak melebihi 25 tahun

PROGRAM PERSULHAN DITAWARKAN

- Kursus Teknologi Pembuatan - CERT II IN ENGINEERING
- Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem Solar Fotovoltia Tersambung Grid SEDA Malaysia

TEMPOR PENGARJAN

- 6 bulan

YURAN

- Yuran kursus ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor

ELAKAN

- Peserta akan menerima elaun RM100 sebulan (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan minimum RM100 semasa latihan industri ditaja oleh syarikat

ASRAMA

- Asrama disediakan dengan kadar bayaran minimum

FAEDAH MENYERTAI PROGRAM

- Pelajar yang berjaya menamatkan latihan/kursus **BERPELUANG UNTUK MENSAFAT PERBUKUAN DI INDUSTRI TERSEBUT**

YB Yusu Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

PELUANG INI HANYA TERBUKA KEPADA 100 ORANG YANG PERTAMA SAHAJA.

CARA MEMILIKI
Sila e-melkan resume anda atau hubungi:
Email: juraina@shrdc.org.my
Tel: **03-5513 3560**

MBSA salur sumbangan Ramadan

63 warga kerja terima RM18,900

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sejumlah RM18,900 disumbangkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada 63 warga kerjanya sempena Ramadan tahun ini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata ia diberikan menerusi Tabung Majikan Prihatin MBSA bernilai RM300 bagi setiap penerima.

Katanya, warga kerja layak termasuk ibu atau bapa tunggal, mempunyai anak istimewa, orang kelainan upaya (OKU) dan menghidap penyakit kronik.

"Ini adalah inisiatif membantu kakitangan kurang berkemampuan bagi meringankan beban sepanjang Rama-

dan serta sambutan Aidilfitri nanti.

"Ia juga tanda keprihatinan MBSA terhadap warga kerja selain mengeratkan silaturahim antara majikan dan pekerja," katanya.

Terdahulu, beliau dan ahli majlis menyertai Majlis Iftar Jama'ei 2016 di Dewan Banquet, Wisma MBSA pada 9 Jun lalu.

Selain warga kerja, MBSA turut menjemput 60 anak yatim dan pelajar tahfiz daripada Maahad Tahfiz Darul Pekim dan Pusat Tahfiz Ummul Qura.

Kesemua mereka menerima sumbangan duit raya berjumlah RM50 seorang sementara pihak pengurusan kedua maahad masing-masing menerima RM1,000.



MPK pantau bazar Ramadan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) sentiasa memantau keadaan bazar Ramadan sekitar kawasan itu bagi memastikan kebersihan dan keselamatan penggunaan terjamin.

Yang Dipertuannya, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata pemantauan itu menekankan beberapa aspek keselamatan makanan termasuk memastikan pengendali makanan mendapat suntikan pelalian anti tifoid, kebersihan dan amalan pengendalian makanan serta tahap kebersihan gerai peniaga.

Beliau berkata selain pemeriksaan dijalankan, MPK juga giat menjalankan beberapa aktiviti promosi berkenaan kesela-

matan dan kebersihan makanan.

"MPK sentiasa peka terhadap perkara yang boleh mengancam keselamatan makanan dan ia juga bermatlamat memastikan makanan disediakan atau dijual adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983," katanya.

Pada masa sama, Yasid menasihatkan orang ramai menggunakan kuasa pembeli yang ada dengan hanya membeli makanan di premis makanan bersih.

"Kebijaksanaan pembeli terhadap pemilihan makanan selamat dan bersih turut memainkan peranan dalam mengurangkan kejadian keracunan makanan," katanya.



MPSJ raikan anak yatim sempena Ramadan

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menganjurkan Majlis Meraikan Anak Yatim Bersempena Bulan Ramadan bersama PUSPANITA MPSJ 2016 di Kompleks Membeli Belah Mydin, USJ 1 pada 11 Jun lalu.

Yang DiPertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata program tahunan itu melibatkan pemberian baucar membeli belah RM200 kepada 52 anak yatim untuk mereka membeli keperluan raya masing-masing di pasar raya terkecuali itu.

"Kita harapkan program seperti ini memberi semangat kepada anak-anak yatim ini apabila masih ada pihak yang mengingati dan memberi sumbangan kepada mereka sempena bulan Ramadan dan hari raya kali ini," kata Nor Hisham.

Nor Hisham berkata demikian kepada SelangorKini selepas beliau meluangkan masa membantu anak-anak yatim itu berbelanja.

Katanya, peruntukan disediakan oleh PUSPANITA MPSJ selepas mendapat sumbangan pelbagai pihak swasta di Subang Jaya.

Katanya, MPSJ turut mengkaji mem-

perluaskan skop sumbangan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas.

Sementara itu Pengarah Urusan Mydin Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin pula berkata, syarikatnya turut terlibat dalam kegiatan kebajikan melibatkan golongan memerlukan mendiami kawasan berhampiran premis perniagaan mereka.

"Apabila anda mendapat keuntungan, anda perlu kembalikan kepada pihak memerlukan atau dalam konteks perniagaan kami, dipulangkan kepada masyarakat di sekeliling kami. Aktiviti ini tidak terhad pada bulan Ramadan sahaja," kata Ameer.

Katanya lagi, perniagaannya kerap didatangi pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) memohon pelbagai bentuk bantuan untuk disalurkan kepada golongan kurang bernasib baik.

"Contohnya dengan peruntukan RM200 kepada anak yatim hari ini, menyebabkan mereka boleh berbelanja barangan bernilai sehingga RM250.

"Mereka boleh beli lebih banyak barang berbanding tempat lain," katanya.



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

NOTIS

TAWARAN CADANGAN PEMBANGUNAN GERAI DAN TAPAK LETAK KERETA SECARA PENSWASTAAN (BINA DAN SERAH) DI SEKSYEN U6, SHAH ALAM

CADANGAN PENSWASTAAN	: GERAI (PUSAT PERNIAGAAN) DAN TAPAK LETAK KERETA
ALAMAT LOKASI CADANGAN	: LOT 8232, JALAN ALFA E U6/E, PUSAT PERDAGANGAN SUBANG PERMAI, SEKSYEN U6, 40150 SHAH ALAM
KELUASAN TAPAK	: 0.42 EKAR
DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN	: PROFIL SYARIKAT DAN CADANGAN PENSWASTAAN (BINA DAN SERAH)

SYARIKAT YANG BERMINAT DINASIHATI AGAR MELIHAT SENDIRI DAN SEGALA KOS PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PENSWASTAAN DITANGGUNG OLEH SYARIKAT.

DOKUMEN TAWARAN PENYEWAAN YANG LENGKAP HENDAKLAH DI HANTAR KEPADA ALAMAT DI BAWAH PADA ATAU SEBELUM 31 OGOS 2016

PENGARAH,
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA,
TINGKAT 2, LIF A,
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
PERSIARAN PERBANDARAN,
SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
03-55105133 SAMB 1367 - EN. NOOR FAIEZAL
03-55105133 SAMB 1293 - PN. ETMA HAFIZA

Membudayakan Al-Quran dalam kehidupan



Al-Quran adalah panduan dan pedoman daripada Allah SWT dan kita perlu berusaha bersungguh-sungguh memahami ajarannya, kisah yang ada di dalamnya serta tema utamanya yang mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian.

Bagi muslim yang benar-benar menghayati kitab suci Al-Quran Kalamullah, ia bukan sekadar pusaka peninggalan Rasulullah SAW semata-mata, sebaliknya mukjizat terbesar Baginda yang diturunkan secara berperingkat selama 23 tahun supaya manusia dapat mempelajari, menghayati seterusnya mengamalkan segala yang terkandung di dalamnya.

Itulah panduan terbaik. Pembimbing manusia ke arah gaya hidup sebenar dan panduan untuk menjalani kehidupan yang kekal abadi kelak, dengan cemerlang.

Al-Quran diturunkan bertujuan memandu manusia ke jalan benar, memberi petunjuk, rahmat, membawa berita gembira, menjadi penawar, peringatan dan cahaya sebagai pedoman dan panduan hidup.

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 57:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit batin yang ada dalam dada kamu dan



Rumah adalah institusi tarbiah terawal dalam membentuk sahsiah dan mendidik generasi membaca Al-Quran, justeru usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi merealisasikan pembudayaannya

menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan serta membawa rahmat bagi orang-orang beriman”.

Ayat itu menjelaskan bahawa Al-Quran diturunkan sebagai penasihat, penawar dan petunjuk hidayah bagi seluruh umat manusia, justeru kita perlu selalu menilai hubungan kita dengan al-Quran.

Apakah kita dalam waktu terakhir ini merujuk kepada Al-Quran mencari panduan dan bimbingan Allah dalam mengharungi kehidupan?

Apakah kita sudah merenung kisah di dalam Al-Quran serta mengambil pelajaran daripadanya? Kita tidak mahu ada antara kita menjadikan Al-Quran sebagai perhiasan dalam rumah sahaja atau hadiah simbolik semata-mata mahupun hanya kedengaran bacaannya apabila berlaku kematian.

Yang pastinya hari ini, Al-Quran semakin dipinggirkan masyarakat, baik yang muda mahupun tua. Membacanya pula hanya mengikut musim, tidak lagi dianggap amalan yang perlu dilakukan setiap hari.

Kalaupun ada yang membaca, sekadar melepaskan batuk di tangga. Belajar ala kadar sahaja, bahkan ada yang membaca Al-Quran tanpa mengetahui hukum tajwid.

Entah ke mana hukum mad dan panjang pendek bacaannya. Terdapat juga segelintir beranggapan bahawa asalkan membaca sudah memadai sedangkan membaca Al-Quran dengan betul hukum tajwid dan disiplinnya adalah fardhu ain bagi setiap umat Islam.

Rumah adalah institusi tarbiah terawal dalam membentuk sahsiah dan mendidik generasi membaca Al-Quran, justeru usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan bagi merealisasikan pembudayaannya.

Pertama: Adalah menjadi kewajipan ibu bapa menunjukkan contoh tauladan kepada ahli keluarganya dengan sentiasa membaca Al-Quran di rumah dan diikuti ahli keluarga lain.

Mengapa kita mempunyai masa untuk membaca akhbar, majalah, menonton televisyen, melayari internet, berwhatsapp dan berinstagram tetapi tidak boleh memperuntukkan sedikit masa untuk membaca Al-Quran?

Tersilap menyebut satu hurufnya sahaja sudah boleh mengubah makna ayat itu. Kita sebagai umat Islam sepatutnya menjadikan Al-Quran sebagai bacaan utama pada setiap masa.

Mereka yang membaca, mendengar malah melihat Al-Quran pun akan diberi pahala oleh Allah SWT.

Kedua: Ibu bapa perlu memprogramkan penghayatan Al-Quran di rumah secara sistematik dengan memperuntukkan

masa sesuai untuk membaca, mempelajari, mentadabbur dan mengajar membaca Al-Quran bersama ahli keluarga.

Mengapa ada dalam kalangan ibu bapa merasa sangat kecewa jika anak-anak gagal dalam pelajaran akademik tetapi tidak ramai yang sedih jika anak-anak tidak tahu atau buta membaca Al-Quran?

Al-Quran adalah Kalamullah mulia yang menjadi ibadah bagi insan yang membaca dan mengamalkannya.

Hanya dengan membacanya sahaja, kita sudah dijanjikan pelbagai ganjaran dan kelebihan, apatah lagi jika dapat memahami, menghayati dan mengamalkan isi kandungannya.

Jika dahulu mungkin agak mencabar untuk membawa Al-Quran, tetapi hari ini kita mempunyai telefon bimbit yang boleh menyimpan pelbagai aplikasi kitab suci itu.

Justeru, jadikanlah mempelajari dan membaca Al-Quran sebahagian daripada gaya hidup kita dengan meluangkan sedikit masa menghayatinya.

Maka, kita sebagai umat Islam dituntut supaya:

1. Beriman dan meyakini bahawa Al-Quran adalah panduan hidup yang diturunkan kepada umat manusia
2. Meyakini segala kandungan Al-Quran itu adalah benar, tepat dan sesuai untuk dihayati umat manusia sepanjang zaman
3. Menjadikan segala kemudahan dan kecanggihan teknologi yang ada untuk membantu mempelajari, membaca dan menghayati Al-Quran
4. Meyakini bahawa membaca Al-Quran akan dijanjikan Allah SWT dengan pahala berganda



Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) - Kerajaan Negeri

Perkukuh kerjasama urus hartanah wakaf

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) berharap dapat menjalin kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi menjayakan pelaksanaan pengurusan hartanah wakaf di Selangor.

Pengerusinya, Datuk Ramli Mahmud, berkata ia bagi memastikan perancangan PWS berjalan lancar dan tersusun.

"Jawatankuasa Kira-Kira Awam Negeri (PAC) akan mempertimbangkan kepada Kerajaan Negeri untuk penyaluran geran.

"PWS di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan perbelanjaan kita terhad dengan peruntukan diperoleh daripada Baitumal bagi pembayaran gaji kakitangan sahaja," katanya kepada SelangorKini, pada 8 Jun lalu.

Beliau berkata demikian selepas sesi pendengaran tertutup PAC berhubung laporan pejabat Ketua Audit Negara berkenaan aktiviti jabatan dan agensi termasuk pengurusan syarikat Kerajaan Negeri tahun 2014.

Pada masa sama, Ramli berkata, jika anggaran peruntukan sekitar RM1.5 hingga RM2 juta dapat diperoleh daripada Kerajaan Negeri, ia mampu membantu mereka melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

"Perbelanjaan mengurus PWS bergantung kepada keuntungan pelaburan iaitu kita hanya boleh mengambil 15 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Anggaran pendapatan PWS dalam setahun hanya sekitar RM600,000 sahaja," katanya.

Beliau turut menyambut baik sesi

pendengaran diadakan PAC dengan jawatankuasa itu mendapat maklum balas terperinci berkenaan operasi dan pengurusan PWS.

"Sokongan PAC terhadap PWS dalam pengurusan hartanah wakaf ini adalah petanda positif diperlukan bagi menjayakan segala dirancang," katanya.

Sejak penubuhan PWS pada 2011 sehingga 31 Disember 2015, PWS menerima wakaf RM213 juta iaitu masing-masing berjumlah RM26.8 juta bagi wakaf am dan RM147 juta bagi wakaf khas.

Pada masa sama, PWS juga menerima 261 lot wakaf hartanah bernilai RM40 juta selain mewujudkan sejumlah 180 tabung wakaf khas bagi pembinaan masjid, surau, sekolah dan maahad tahfiz.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
17 - 24 JUN 2016							
12 - 19 RAMADAN 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Jumaat	5.31	5:41	7.04	1:17	4:43	7:26	8:42
18 Sabtu	5.31	5:41	7.04	1:17	4:43	7:26	8:42
19 Ahad	5.32	5:42	7.05	1:17	4:43	7:26	8:42
20 Isnin	5.32	5:42	7.05	1:18	4:43	7:27	8:42
21 Selasa	5.32	5:42	7.05	1:18	4:44	7:27	8:43
22 Rabu	5.32	5:42	7.05	1:18	4:44	7:27	8:43
23 Khamis	5.32	5:42	7.06	1:18	4:44	7:27	8:43
24 Jumaat	5.33	5:43	7.06	1:18	4:44	7:28	8:43
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
17 Jumaat	5.33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
18 Sabtu	5.33	5:43	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
19 Ahad	5.34	5:44	7:07	1:19	4:45	7:29	8:44
20 Isnin	5.34	5:44	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
21 Selasa	5.34	5:44	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
22 Rabu	5.34	5:44	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
23 Khamis	5.34	5:44	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
24 Jumaat	5.35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:30	8:45



90% hartanah wakaf luar bandar

SHAH ALAM - Sebahagian besar hartanah wakaf diuruskan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) belum sesuai dan berpotensi bagi tujuan pembangunan.

Pengerusi PWS, Datuk Ramli Mahmud, berkata berdasarkan rekod, lebih 90 peratus hartanah itu terletak di luar bandar dan berkeluasan kecil.

"Keadaan itu menyebabkan tanah ini belum lagi berpotensi untuk dimajukan.

"Di samping itu, terdapat tanah wakaf khas untuk tapak masjid, surau dan tahfiz yang tidak boleh dibangunkan berdasarkan kepada niat pewakaf kerana terdapat pembangunan itu di kawasan berhampiran," katanya.

Beliau berkata dalam kes tertentu berkenaan tanah wakaf, ia adalah di luar kawalan PWS sebagaimana hasil laporan

pejabat Ketua Audit Negara bahawa terdapat lebih 25 peratus tanah masih belum dipindah milik dan kes menjangkau lebih 40 tahun.

Ini kerana, katanya, pewakaf hanya mewakafkan sebahagian kecil tanah dalam satu-satu lot tanah selain proses pecah tanah tidak dilaksanakan pihak berkaitan.

"Ia membabitkan 70 peratus dari kes yang tidak dapat dipindah milik manakala bakinya adalah disebabkan kehilangan geran dan pihak pewakaf tidak mengambil tindakan untuk mendapatkan geran ganti," katanya.

Untuk rekod, 858 lot hartanah wakaf sudah didaftarkan dan sebahagiannya dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan.

Daripada jumlah itu, 394 lot (45.92 peratus) dimanfaatkan dengan pembinaan masjid, surau, sekolah dan lain-lain, 23 lot (2.68 peratus) sedang dibangunkan atau dalam proses perancangan projek perumahan dan komersil.

Sementara 128 lot (14.92 peratus) pula dikenali pasti tidak dapat dimanfaatkan kerana keluasan kecil, tidak ekonomi dan lokasi tanah tidak strategik di mana ia hanya dapat dibangunkan setelah selesai proses istibdal.

Manakala 187 lot (21.79 peratus) dalam proses pecah sempadan bagi menentukan geran hak milik MAIS di mana ia hanya boleh dimanfaatkan selepas hak milik diperoleh, namun membabitkan masa lama dengan kos tinggi.

Program

IFTAR dan TAZKIRAH Santai

8 JUN - 1 JULAI 2016 | 3 - 26 RAMADHAN 1437H

6 PETANG - 10 MALAM

DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM

"Ramadhan Bulan Kerahmatan Dan Keampunan"

Aktiviti :

Tazkirah Santai | Jamuan Berbuka Pusa (disediakan) | Solat Maghrib & Isyak Berjemaah | Solat Terawikh



Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ("KSSB") adalah anak syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") yang menguruskan pengeksploasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir, bahan batuan dan sumber-sumber mineral di Negeri Selangor. KSSB bercadang untuk membuka tapak operasi baru dan menjemput pemohon-pemohon yang berminat dan berkelayakan untuk menyertai lawatan tapak sebagai pra-syarat untuk menyertai tender berikut:-

TENDER NO. T08/2016

PELAWAN TENDER TERBUKA BAGI PERLOMBONGAN PASIR DI ATAS TANAH HAKMILIK PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS) LOT 32293, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN

Tarikh Lawatan Tapak	21hb Jun 2016 (Selasa)
Waktu Berkumpul / Pendaftaran	10.30 pagi
Tempat Berkumpul	Plaza Tol PLUS Putrajaya
Masa dan Tarikh Penjualan Dokumen Tender	23hb (Khamis) dan 24hb (Jumaat) Jun 2016 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari 2.30 petang hingga 4.00 petang
Masa dan Tarikh Penyerahan Dokumen Tender	14hb Julai 2016 (Khamis) 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari Penyertaan lewat dan tidak lengkap akan ditolak
Tempat Pengambilan dan Penyerahan Dokumen Tender	Ibu Pejabat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah Seksyen 14 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Catatan:

- Syarat-syarat kelayakan:
Mempunyai alamat berdaftar dan/atau alamat perniagaan di Selangor
- Harga Dokumen Tender: RM106.00.
- Fi Pemrosesan Tender: RM5,300.00.
- Deposit Tender: RM20,000.00
- Lawatan tapak adalah wajib bagi melayakkan pemohon-pemohon menyertai tender berkenaan. **Pemohon-pemohon yang tidak menyertai dan mendaftarkan diri semasa lawatan tapak tidak layak untuk menyertai tender tersebut. Penyertaan lawatan tapak, pembelian dan penyerahan dokumen tender hendaklah dilakukan di atas nama syarikat yang sama.**
Adalah dicadangkan supaya pemohon-pemohon hadir ke lawatan tapak dengan menggunakan kenderaan yang bersesuaian seperti kenderaan pacuan empat roda. Keselamatan pemohon serta risiko dan kos yang terlibat semasa lawatan di tapak tersebut adalah menjadi tanggungjawab pemohon sepenuhnya. Pihak KSSB tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang liabiliti, kerugian, kerosakan, tuntutan dan kecederaan yang timbul daripada lawatan pemohon dan/atau ejen/wakil pemohon ke tapak tersebut.
- KSSB berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, atau membatalkan tender tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan oleh KSSB adalah muktamad.
- KSSB tidak pernah melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menjalankan sebarang transaksi berkenaan tender ini bagi pihak KSSB dan KSSB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti berkenaan sebarang kesimpulan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang telah ditanggung atau mungkin ditanggung oleh orang ramai yang berpunca daripada mereka bergantung atau menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga. Pihak awam dinasihatkan agar menghubungi KSSB bagi sebarang pengesahan dan/atau maklumat lanjut.
- Maklumat lanjut tender boleh diperolehi di laman sesawang rasmi kami www.semesta.com.my

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (822993-H)
Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5518 7735 Faks: 03-5518 7736
www.semesta.com.my

Pegawai Bertugas Untuk Lawatan Tapak:
En. Mohd Hisham Mohd Ghaus 019-659 2166
En. Jafrikhairi Idris 017-615 6140
En. Abdul Hamid Hassan 019-332 2037

Erat perpaduan

PEKAWANIS rai warga Palestin dan Rohingya



OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) menganjurkan Majlis Iftar Ramadan peringkat negeri di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini, 11 Jun lalu.

Majlis julung kali diadakan itu bertujuan meraihan golongan memerlukan termasuk anak yatim dari Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah, Anak-Anak Kuala Langat, Rohingnya Education Centre Klang.

Majlis itu juga meraikan warga Palestin bermas-tautin di negeri ini selain dimeriahkan dengan kehadiran saudara cina muslim sekitar Shah Alam.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Pekawanis, Datin Seri Shamshida Taharin, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga, Rodziah Ismail.

Semua tetamu hadir menunaikan solat Magrib dan tarawih berjemaah diimamkan Ustaz Syeikh Mohd Haikal dan sesi tazkirah disampaikan Dai Mile-nia, Mohd Anas Khamis.

Sebagai tanda kepihatinan Kerajaan Negeri, Shamshida turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dan mualaf sebagai persediaan sambutan Syawal kali ini.

Sementara Restoran Makanan Cina Muslim, Mohd Chan pula menjadi penaja utama juadah berbuka puasa sepanjang program berlangsung.

Menyambut baik usaha murni itu, Shamshida menerusi ucapan majlis perasmian program berharap supaya lebih banyak lagi syarikat dan individu berkemampuan menjayakan program kebajikan demi manfaat jangka panjang kepada golongan memerlukan.

"Kita perlu mencemburui orang yang berharta dan membelanjakan hartanya ke arah jalan yang diredhai Allah SWT.

"Semoga amal kebajikan ini akan menjadi contoh kepada lebih ramai masyarakat di luar sana untuk terus beramal dan menyumbang kepada kebajikan golongan memerlukan," katanya.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID KOTA RAJA, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)026(T)/2016	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PPK & UPEN Gred: G7 Kategori: B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 17/06/2016 (Jumaat) Sehingga 30/06/2016 (Khamis)	RM1,000.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 12/07/2016 (Selasa) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447748

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam siji PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

- *Jenis Syarikat Tempatan:
- T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara)
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegawai saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara. Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - A2 -

ABIM: RM5 juta bantu orang memerlukan



GOMBAK - Peruntukan RM5 juta disalurkan Angkatan Belia Malaysia (ABIM) sebagai agihan sumbangan kepada golongan memerlukan di seluruh negara, sepanjang tahun ini.

Presiden ABIM, Mohamad Raimi Abdul Rahim, berkata jumlah terbabit meliputi pelbagai program kebajikan bermula Januari lalu.

"Sepanjang Ramadan, kita memperuntukkan sejumlah RM600,000 bagi program Kempen Seorang Sekampit Beras tetapi bagi jumlah keseluruhan program Sinar Ramadan, RM2 juta disalurkan untuk bantuan kebajikan.

"Sekitar RM5 juta jumlah peruntukan keseluruhan dan kita harap jumlah ini akan mencapai sasaran dengan agihan kepada golongan memerlukan di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita

selepas hadir menyampaikan sumbangan Ramadan sempena Kempen Seorang Sekampit Beras.

Terdahulu, seramai 30 penerima diberikan bantuan terdiri daripada ibu tunggal, golongan asnaf dan fakir miskin penduduk Kampung Sungai Kertas, Gombak.

Raimi berkata sebanyak 122 cawangan membabitkan sukarelawan ABIM seluruh negara kini digerakkan bagi mengenal pasti golongan sasaran yang layak menerima bantuan.

Katanya, antara kriteria penerima sumbangan adalah mereka terdiri daripada golongan asnaf, mualaf dan anak yatim disenaraikan Lembaga Zakat.

"Tahun lalu, ABIM berjaya menyerahkan pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan kepada lebih 4,600 keluarga di seluruh negara menerusi hasil sumbangan orang awam dan syarikat swasta," katanya.

Galak belia produktif

MPSJ anjur Muay Thai & Silat Cekak

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menganjurkan program Pembangunan Sukan bagi menggalakkan golongan muda aktif melalui aktiviti riadah sukan.

Program berteraskan pembangunan sukan Muay Thai dan Silat Cekak Pusaka Hanafi terbuka kepada masyarakat Perbandaran Subang Jaya di Stadium MPSJ, Serdang Jaya, sejak Jun lalu.

Bagi program kesukanan Muay Thai, yuran pendaftaran serendah RM40 sebulan dengan kelas dibuka setiap jam 8.00 hingga 9.00 pagi dan jam 9.00 hingga 10

pagi. Kelas pembelajaran dibuka kepada masyarakat berumur 18 tahun ke bawah. Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi Puan Faznur di talian 013-7479527.

Sementara bagi program sukan Silat Cekak Pusaka Hanafi, kelas dibuka setiap Selasa dan Jumaat bermula jam 9.00 malam hingga 11 malam.

Yuran pendaftaran serendah RM60.00 setiap sesi dan kelas dibuka kepada lelaki dan wanita Islam berumur 13 tahun ke atas.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Encik Amir di talian 012-2794773.

Padang Arena MPSJ capai piawaian FIFA



SHAH ALAM - Bekas penjarung jersi Red Giants, Nazzab Hidzan berpuas hati dengan keadaan padang baru di Arena MPSJ yang baru memulakan operasinya, 1 Jun lalu.

Berbanding keadaan sebelumnya, Nazzab berkata permukaan padang baru lebih berkualiti dan mencapai standard Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

"Keadaan padang cukup cantik dan kualitinya mencapai piawaian FIFA dengan penarafan dua bintang.

"Sekarang semua stadium di seluruh dunia menggunakan padang jenis 'Artificial' seperti yang digunakan padang Arena ini," katanya.

Nazzab berkata, penggunaan padang jenis Artificial itu juga mampu memudah-


kan pemain beraksi walaupun dalam keadaan hujan lebat.

"Padang sebelum ini daripada jenis rumput biasa dan beralaskan tanah, memang agar sukar kerana jika hujan lebat, keadaan padang akan lembik.

"Saya sendiri pernah beraksi di atas padang itu," katanya menerusi temubual dipaparkan Facebook rasmi MPSJ, pada 9 Jun lalu.

Sebelum ini, kemudahan Arena MPSJ ditambah baik dengan pelbagai kemudahan yang terus memberikan manfaat jangka panjang kepada penduduk setempat.

Ia termasuklah kemudahan padang baru dan trek balapan, sesuai untuk aktiviti sukan masyarakat sekitar perbandaran Subang Jaya.



(338981-A)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	No. Tender: WHB/PU/OT/ENV/12/16 PROPOSED ENGAGED OF PLANT HIRE, DAILY COVER & MISCELLANEOUS WORKS AT JERAM SANITARY LANDFILL (JSL), MUKIM JERAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	BERDAFTAR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	Bayaran Dokumen Tender RM50.00 kepada WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (Tidak akan Dikembalikan)	10 Jun 2016 Di pejabat: WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD No.1, Wordwide @ 7 Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan T: 03-5510 2525 F: 03-5510 4448 Waktu Pejabat: Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30 tgh 2.30ptg - 4.30 ptg Tarikh Tutup Tender:- Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 27 Jun 2016 (Isnin)

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

JABATAN PEROLEHAN
WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
ARAS 4, NO 1 WORLDWIDE@7
JALAN LAZUARDI 7/29, SEKSYEN 7
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55102525 No. Fax 03-55104448

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan



(6430-P)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	No Tender: WHB/PU/OT/PRO/10/16 PROPOSED INFRASTRUCTURE WORKS (ROAD, DRAINAGE, SEWERAGE, TELECOMMUNICATION AND STREETLIGHTING) FOR PROPOSED DEVELOPMENT ON 28.97 HA (71.4 ACRES) LAND AT 2141 HS(D) 2618 BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gred : G4 - G5 Kategori : CE21	Bayaran Dokumen Tender RM300.00 kepada PERUNDING INNOTECH (Tidak akan Dikembalikan)	9 Jun 2016 Sehingga 16 Jun 2016 Di pejabat: PERUNDING INNOTECH No.5a, Jalan Lawan Padang 13/27, Tadisma Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. T: 03-5511 0641 F: 03-5511 0642 Waktu Pejabat: Isnin - Jumaat 9.00pg - 1.00ptg 2.00ptg - 4.30ptg Tarikh Tutup Tender:- Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 27 Jun 2016 (Isnin)

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

JABATAN PEROLEHAN
WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
ARAS 4, NO 1 WORLDWIDE@7
JALAN LAZUARDI 7/29, SEKSYEN 7
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55102525 No. Fax 03-55104448

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan



(6430-P)

MAKLUMAN KENYATAAN TENDER

Merujuk kepada Kenyataan Tender yang telah diiklankan pada 25 Mei 2016 (Rabu) di akhbar ini, adalah dimaklumkan bahawa **TARIKH TUTUP** bagi nombor tender berikut akan dipinda kepada :

NOMBOR TENDER	TARIKH DIPINDA	MASA TUTUP TENDER
WHB/PU/OT/PRO/07/16 CADANGAN MEMBINA SATU BLOK 16 TINGKAT PANGSAPURI KOS SEDERHANA YANG MENGANDUNGI 168 UNIT KEDIAMAN, DI ATAS PT 34425, JALAN NOVA U5/86A, SEKSYEN U5, SUBANG BESTARI, 40150 BANDARAYA SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD	24 Jun 2016 (Jumaat)	12.00 tengah hari

Perkara-perkara lain di dalam Kenyataan Tender asal adalah tidak berubah.
Sebarang kesulitan amat dikesali

HARAP MAKLUM
Bahagian Perolehan, Worldwide Holdings Berhad



(6430-P)


MAKLUMAN KENYATAAN TENDER

Merujuk kepada Kenyataan Tender yang telah diiklankan pada 19 Mei 2016 (Khamis) di akhbar ini, adalah dimaklumkan bahawa **TARIKH TUTUP** bagi nombor tender berikut akan dipinda kepada :

NOMBOR TENDER	TARIKH DIPINDA	MASA TUTUP TENDER
WHB/PU/OT/PRO/06/16 CADANGAN MEMBINA SATU (1) BLOK 16 TINGKAT PANGSAPURI RUMAH SELANGORKU YANG MENGANDUNGI 220 UNIT KEDIAMAN, DI ATAS LOT 37309, JALAN NOVA U5/81, SEKSYEN U5, SUBANG BESTARI, 40150 BANDARAYA SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD	20 Jun 2016 (Isnin)	12.00 tengah hari

Perkara-perkara lain di dalam Kenyataan Tender asal adalah tidak berubah.
Sebarang kesulitan amat dikesali

HARAP MAKLUM
Bahagian Perolehan, Worldwide Holdings Berhad



Jelajah Oceania 2016

Tiga tonggak Selangor sertai Harimau Malaysia

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Tiga pemain Selangor berlepas ke Brisbane, Australia bersama skuad Harimau Malaysia bagi menyertai Jelajah Oceania 2016.

Pemain berkenaan adalah ketua pasukan, Muhammad Shahrom Abdul Kalam, pemain pertahanan, Mohd Azrif Nasrullah Badrul Hisham dan penyerang, Ahmad Hazwan Bakri.

Rombongan 24 pemain skuad kendalian Datuk Ong Kim Swee selamat tiba di Australia pada 12 Jun pagi bakal menyertai siri latihan dan tiga perlawanan persahabatan antarabangsa A bagi Jelajah Oceania 2016.

Harimau Malaysia bakal bertemu naib juara Piala Negara-Negara Oceania 2016, Papua New Guinea pada 17 Jun bagi

Harimau Malaysia bakal bertemu naib juara Piala Negara-Negara Oceania 2016, Papua New Guinea pada 17 Jun bagi menghadapi perlawanan pertama di Port Moresby

menghadapi perlawanan pertama di Port Moresby.

Kemudian, skuad Kim Swee akan terbang pula ke Noumea untuk aksi kedua bertemu New Caledonia pada 22 Jun disusuli aksi ketiga dan terakhir menentang Fiji di Nadi pada 26 Jun.



PKNS FC perkemas pasukan hadapi Piala Malaysia dan Liga Super

SHAH ALAM - PKNS FC memperkemas pasukan dengan perlawanan persahabatan sebelum sepak mula Piala Malaysia dan baki perlawanan pusingan kedua Liga Perdana nanti.

Pengurus PKNS FC, Mahfizul Rusyidin Abdul Rashid, berkata pasukannya akan bertemu Felcra FC, Kedah dan Sarawak dalam perlawanan persahabatan yang dijangka dimulakan pada minggu hadapan.

Ini antara persiapan yang kami atur sebelum Piala Malaysia bermula, katanya ketika dihubungi SelangorKini hari ini.

Pada masa sama, Mahfizul berkata, antara perlawanan menjadi tumpuan pasukan Lembah Klang itu adalah perlawanan pertama menentang pendahulu Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) pada 12 Julai di Stadium Larkin nanti.

"Fokus tetap sama kerana yang menanti kita lebih kurang 16 perlawanan iaitu Liga Perdana dan Piala Malaysia dengan perlawanan pertama bertemu JDT di Larkin.

"Semua pihak memang fokus pada perlawanan itu nanti," katanya.

Mengulas latihan PKNS FC sepanjang Ramadan kali ini, Mahfizul berkata pe-



mainnya sudah memulakan latihan selepas jam 10.00 malam bagi memberi laluan kepada pemain mengerjakan solat tarawih terlebih dahulu.

"Mereka berbuka puasa di rumah

masing-masing dan selepas tarawih barulah mereka datang untuk sesi latihan. Tahun ini rehat sedikit berbanding tahun lepas dengan liga diteruskan dalam bulan puasa, katanya.

PKNS FC: Tukar atau kekal pemain?

SHAH ALAM - Barisan pemain PKNS FC terus menjadi teka-teki dan keputusan pertukaran pemain hanya diketahui apabila jendela perpindahan dibuka nanti.

Demikian jawapan Pengurus Pasukan PKNS FC, Mahfizul Rusyidin Abdul Rashid kepada SelangorKini, baru-baru ini.

"Saya rasa belum sampai waktu untuk umum. Mungkin boleh tanya saya semula waktu jendela dibuka nanti, manalah tahu. Pada masa itu mungkin ada perkembangan terkini," katanya kepada SelangorKini ketika dihubungi.

Sebelum ini, Mahfizul berkata PKNS FC tidak menolak kemungkinan menukar pemain jika langkah itu mampu memberi tambah nilai kepada pasukan yang Naib Juara Superbest Power Piala FA 2016 dalam mengharungi pusingan kedua Liga Perdana dan Piala Malaysia nanti.

Bagaimanapun, beliau berkata pengurusan PKNS FC tidak terburu-buru dalam membuat keputusan tetapi sebaliknya membuat kajian sebelum sebarang keputusan berkenaannya dibuat.

Pihak Perkongsian Bola Sepak Liabiliti Terhadap Malaysia (FMLLP) mengumumkan jendela perpindahan pemain bagi pendaftaran pemain kali kedua, musim 2016 akan dibuka pada 20 Jun sehingga jam 12.00 tengah hari.

Sementara pada 15 Julai 2016 bagi pemain tempatan dan jam 11.59 malam pada tarikh sama bagi pemain import.